

TEMA 1: MANUSIA DAN MASYARAKAT

1. Berdasarkan contoh-contoh yang sesuai, bincangkan faktor-faktor yang membawa kepada pembinaan sesebuah tamadun.

Ulasan soalan

Calon dikehendaki menghuraikan faktor-faktor yang membawa kepada pembinaan sesebuah tamadun. Setiap isi perlu diberikan contoh yang sesuai.

Pengenalan

- Setiap tamadun di dunia mengalami perkembangannya yang tersendiri, berkembang kemudiannya merosot dan seterusnya lenyap digantikan oleh kerajaan atau tamadun lain.
- Faktor pembinaan sesebuah tamadun mungkin berbeza antara satu sama lain kerana kedudukannya dan budaya masyarakatnya yang berlainan.
- Sungguhpun begitu, kita boleh mengenal pasti beberapa faktor utama yang membawa kepada kemunculan sesebuah tamadun.

Isi

1. **Kesengsaraan hidup.** Keadaan hidup yang sengsara dan derita mendorong masyarakat berusaha secara kolektif untuk membebaskan diri mereka daripada kesengsaraan hidup. Penderitaan yang dialami menjadikan sesebuah masyarakat lebih berdisiplin dan kreatif dalam menyelesaikan masalah yang mereka hadapi. Keadaan ini sesuai dengan pepatah Inggeris yang berbunyi “necessity is mother of invention”. Masyarakat di Mesir telah memperkenalkan ilmu matematik, kejuruteraan dan takwim kerana bimbang terhadap bencana banjir yang melanda tempat tinggal mereka saban tahun.

2. **Asabiyah atau semangat kesukuan.** Ibn Khaldun dalam bukunya *Muqaddimmah* berpendapat bahawa asas kepada kemajuan kehidupan manusia ialah asabiyah. Dasar utama yang terkandung dalam asabiyah ialah sifat semula jadi manusia yang cinta akan ahli keluarga. Begitu juga hubungan yang rapat antara ketua dan anggota kabilah di bawah pimpinannya. Ikatan yang terjalin itu akan mengukuhkan sesuatu kabilah yang memungkinkan munculnya sesebuah tamadun. Bagi sesebuah kerajaan atau tamadun yang bercorak dinasti, semangat asabiyah lebih ketara kerana jawatan-jawatan penting diberikan kepada kaum keluarga dan kerabatnya. Kerajaan Bani Umayyah adalah salah satu contohnya.

3. **Faktor hijrah dan peranan manusia.** Seorang sarjana sosiologi dari Iran, Ali Shariati berpendapat bahawa ada dua faktor yang mencetuskan pembinaan sesebuah peradaban. Faktor pertama ialah hijrah dan kedua ialah peranan manusia dalam menempa kejayaan. Daripada kajiannya terhadap 27 tamadun, Ali Shariati merumuskan bahawa tamadun lahir kerana penghijrahan manusia dari tempat asal ke tempat baru. Tamadun menurutnya tidak pernah lahir dan berkembang di kalangan masyarakat primitif yang tidak pernah berpindah dari satu tempat ke tempat yang lain. Contohnya, peradaban Melaka lahir kerana penghijrahan sekelompok manusia dari Sumatera, membuka Melaka dan seterusnya Melaka menjadi pusat perdagangan, kebudayaan dan aktiviti keintelektualan di rantau ini. Peranan manusia turut penting bagi menentukan nasib dan mengubah masa depan mereka kerana mereka diberi akal fikiran dan kuasa untuk berusaha.

4. Penghayatan terhadap bidang keilmuan. Kemunculan sesebuah tamadun turut didorong oleh penghayatan dan kecintaan yang tinggi terhadap bidang keilmuan. Penghayatan terhadap ilmu dapat dilihat dalam diri tokoh-tokoh terkemuka tamadun silam seperti Plato dan Aristotle dalam tamadun Yunani, Kautilya dalam Tamadun India, Al-Farabi, Ibn batuta, al-Ghazali dan Ibn Khaldun dalam tamadun Islam.

5. Peranan faktor agama. Arnold Toynbee percaya bahawa agama berperanan memanjangkan usia sesebuah tamadun. Beliau yang agak kecewa dengan krisis moral yang berlaku di kalangan masyarakat Barat akibat membelakangkan agama Kristian meramalkan masyarakat Barat akan didominasi oleh satu agama yang berkembang dari Timur. Begitu juga dengan Akhbar S. Ahmed dalam bukunya *Discovering Islam: Making Sense of Muslim History and Society*, yang menegaskan bahawa tindak-tanduk masyarakat Islam perlu mencontohi amalan Nabi Muhammad s.a.w. dan sahabat baginda jika ingin mengembalikan kegemilangan Islam. Akhbar mengukuhkan hujahnya dengan memperturunkan hadis yang menyebut “yang terbaik daripada kalangan umatku ialah generasiku kemudian mereka yang mengikutnya dan yang mengikuti sesudah itu”.

6. Sifat terbuka. Kemunculan sesebuah tamadun turut disebabkan oleh toleransi terhadap sumbangan tamadun-tamadun lain. Sifat keterbukaan ini memberi kesan positif kepada sesebuah tamadun. Tamadun Islam bersifat terbuka kerana menerima sumber-sumber ilmu dari tamadun Yunani, Parsi, India dan China.

7. Kedudukan yang strategik. Kemunculan sesebuah tamadun boleh dikaitkan dengan kedudukan sesebuah tamadun yang strategik. Hal ini membolehkan masyarakat memperoleh sumber-sumber semula jadi untuk kelangsungan hidup. Faktor lokasi yang strategik menggalakkan pembentukan tamadun Mesopotamia di Lembah Tigris dan Euphrates, tamadun Mesir di Lembah Sungai Nil dan tamadun Melayu Melaka di pesisiran Selat Melaka.

8. Peranan elit dan idea. Arnold Toynbee berpendapat bahawa peranan sekumpulan elit adalah penting dalam pembinaan tamadun. Malik Bennabi pula berpendapat tiga unsur yang membentuk tamadun iaitu manusia, benda dan idea. Dengan kekayaan benda atau material sahaja tetapi ketandusan idea, memungkinkan tamadun itu dibina dengan kukuh. Chandragupta Maurya dan Kautilya adalah contoh yang baik tentang peranan elit dan idea yang membantu membina empayar Maurya di India.

Kesimpulan

Setiap tamadun dibina hasil gabungan beberapa faktor yang dibincangkan di atas. Kesungguhan pengasas sesebuah tamadun adalah lebih dominan dalam menentukan hala tuju sesebuah tamadun.

2. Zaman manusia belum mengenali sistem tulisan dikenali sebagai zaman prasejarah. Bincangkan ciri-ciri masyarakat prasejarah awal dan prasejarah akhir.

Ulasan soalan

Satu huraian yang lengkap perlu dilakukan bagi menjelaskan ciri-ciri masyarakat prasejarah awal dan masyarakat prasejarah akhir.

Pengenalan

-Zaman prasejarah boleh dibahagikan kepada dua iaitu zaman prasejarah awal yang terdiri daripada Zaman Paleolitik (kira-kira 500 000 S.M. hingga 10 000 S.M.) dan Zaman Mesolitik (kira-kira 10 000 S.M. hingga 7000 S.M.).

-Zaman prasejarah akhir dikenali sebagai Zaman Neolitik (kira-kira 7000 S.M. hingga 3500 S.M.)

-Zaman Paleolitik juga dikenali sebagai Zaman Batu Lama, Zaman Mesolitik disebut Zaman Batu Pertengahan dan Zaman Neolitik dikenali sebagai Zaman Batu Baru.

Isi

Ciri-ciri Zaman prasejarah awal

-Masyarakat zaman prasejarah awal **hidup secara nomad**. Mereka tinggal dalam kelompok kecil di tepi tasik, sungai, gua-gua batu kapur dan berlindung di bawah ranting-ranting kayu.

-Mereka **memungut hasil hutan, berburu binatang dan menangkap ikan**. Manusia pada zaman ini adalah masyarakat pemungut atau pemburu yang cuba menyesuaikan diri dengan alam sekitar.

-Mereka menggunakan peralatan yang diperbuat **daripada batu yang kasar** kerana mementingkan fungsinya. Masyarakat Paleolitik misalnya menggunakan kapak tangan yang diperbuat daripada batu yang bertujuan untuk memotong, mengerat dan menggergaji.

-Zaman Mesolitik dianggap sebagai zaman yang tidak produktif dari sudut penciptaan peralatan. Kemajuan penciptaan peralatan telah merosot.

-Masyarakat prasejarah awal juga sudah mempunyai kepercayaan tentang kehidupan selepas kematian. Hal ini dibuktikan melalui kesan-kesan barang pengkebumian di kawasan perkuburan dan mayat yang diwarnakan dengan warna merah.

Ciri-ciri Zaman prasejarah akhir

-Masyarakat Neolitik sudah **membina petempatan yang kekal** dan hidup dalam kelompok yang lebih besar.

-Mereka menyara diri dengan **bercucuk tanam dan menternak binatang**.

-Dari segi peralatan, masyarakat Neolitik telah mencipta kapak yang diperbuat daripada batu yang digilap dan ditajamkan, menggunakan tajak dan cangkul yang diperbuat daripada batu granit.

-Dua peralatan baru yang dicipta oleh masyarakat Neolitik ialah **bajak** dan **roda**. Bajak atau tenggala menggunakan lembu yang dijinakkan untuk membajak tanah. Roda pula digunakan sebagai alat pengangkutan dan berperanan untuk melicinkan lagi kerja yang berkaitan dengan pembuatan tembikar.

-Perubahan dalam budaya kerja jelas kelihatan apabila golongan lelaki melakukan tugas yang lebih berat manakala wanita menjalankan kerja yang lebih ringan dalam menjalankan kerja-kerja pertanian.

-Dari segi kepercayaan, masyarakat Neolitik sudah mula percaya kepada kuasa atau **semangat objek-objek alam** yang dipercayai mengawal alam ini. Menurut mereka, jika roh atau semangat tadi tidak ditenteramkan, akan memberi kesan kepada hasil tanaman mereka.

-Proses perubahan yang meluas ini seterusnya menyebabkan berlakunya Revolusi Pertanian yang membawa kepada kemunculan tamadun awal manusia.

Kesimpulan

- Zaman Neolitik merupakan episod penting pada zaman prasejarah kerana manusia sudah pandai menyesuaikan diri dan seterusnya mampu menguasai persekitaran.
- Masyarakat neolitik telah bertukar daripada *food gathering* menjadi *food growing* dan dengan itu dianggap sebagai garis pemisah dalam proses pembinaan tamadun awal manusia.

3. Zaman Neolitik sering dikaitkan dengan revolusi pertanian. Sejauh manakah revolusi pertanian mempengaruhi perkembangan tamadun awal manusia?

Ulasan soalan

Calon dikehendaki membuktikan bahawa revolusi pertanian yang berlaku semasa zaman Neolitik memberi kesan kepada perkembangan tamadun awal manusia.

Pengenalan

-Zaman Neolitik atau Zaman Batu Baru juga dikenali sebagai zaman prasejarah akhir muncul kira-kira 7000 S.M. hingga 3500 S.M.

-Oleh kerana masyarakat pada masa itu sudah mula tinggal secara tetap, mereka mula menceburkan diri dalam bidang pertanian dan penternakan.

-Masyarakat Neolitik terus mengorak langkah menceburkan diri dalam bidang-bidang lain seperti pertukangan dan perdagangan.

Isi

1. Menyimpan hasil lebih hasil pertanian

-Apabila pertanian secara tetap dijalankan, berlakulah lebih dalam keperluan. Lebih keluaran tersebut ditukarkan dengan barangan lain yang diperlukan. Dengan ini berlakulah sistem barter.

2. Tumpuan terhadap sesuatu jenis pertanian

-Masyarakat Neolitik mula menumpukan perhatian kepada sesuatu jenis tanaman sahaja berdasarkan kepada kesuburan tanah. Tanah kuning loes sesuai untuk tanaman padi. Tidak hairanlah jika tanaman padi telah diusahakan di China sejak tahun 8000 S.M.

3. Pertempatan tetap

-Melalui kegiatan pertanian membawa kepada perkembangan pertempatan kekal. Ekoran pertambahan penduduk yang pesat, manusia mula merancang tempat kediaman mereka untuk tempoh yang panjang.

-Rumah-rumah dibina dengan menggunakan sumber-sumber tempatan. Batu dan tanah liat adalah antara bahan utama yang digunakan untuk membina rumah.

-Lama kelamaan kawasan pertanian ini berkembang menjadi bandar dan negara kota. Antara petempatan awal yang memulakan corak pentadbiran mudah ialah Catal Huyuk di Turki yang diduduki sejak tahun 6000 S.M.

4.Perkembangan peralatan

-Kegiatan pertanian memerlukan peralatan bagi membantu memudahkan kerja-kerja pertanian. Antara peralatan yang dicipta termasuk tajak, cangkul dan roda.

-Perkembangan dalam teknologi peralatan ini seterusnya membawa kepada revolusi pertanian.

5.Pengkhurusan kerja

-Perkembangan dalam bidang pertanian mewujudkan pembahagian tugas atau pengkhurusan kerja kerana masyarakat Neolitik mempunyai lebih banyak masa untuk menghasilkan artifak yang lebih bermutu. Akhirnya muncul individu yang berjaya memikirkan cara untuk melebur logam di sesetengah kawasan.

Kesimpulan

-Revolusi pertanian bukan sekadar memberi kesan kepada aspek penanaman sahaja malah telah merubah budaya dan cara hidup masyarakat Neolitik.

-Seterusnya perubahan membawa pelbagai kesan dan menjadi asas pembinaan tamadun awal manusia.

4.Dengan merujuk kepada contoh-contoh tertentu, jelaskan mengapa tamadun manusia bermula di lembah-lembah sungai.

Ulasan soalan

Calon dikehendaki menghuraikan factor-faktor yang menyebabkan tamadun awal manusia bermula di lembah-lembah sungai.

Pengenalan

-Secara semula jadinya manusia ingin keselamatan, keselesaan dan kebahagiaan dalam kehidupan. Salah satu idaman tersebut ialah kediaman yang aman dan damai.

-Terdapat pelbagai tempat tinggal atau petempatan yang menjadi pilihan manusia dan salah satu daripadanya ialah di kawasan lembah-lembah sungai.

Isi

1.Kawasan **tanah yang subur** menyebabkan kebanyakan masyarakat awal yang bertamadun memilih lembah-lembah sungai sebagai tempat tinggal. Hasil pertanian merupakan sumber makanan yang utama. Justeru, kawasan-kawasan pertanian di lembah-lembah sungai menjadi tumpuan utama manusia. Antara lembah-lembah sungai yang menjadi tumpuan manusia termasuklah Sungai Nil, Sungai Tigris dan Euphrates, Hwang Ho dan Indus.

2. Lembah sungai dapat membekalkan air untuk kegunaan manusia sendiri, tanaman dan binatang ternakan.

3. Sungai juga dapat membekalkan ikan sebagai sumber protin. Ikan yang ditangkap boleh digunakan untuk makanan harian atau dikeringkan untuk digunakan pada masa-masa tertentu.

4. Bentuk muka bumi yang rendah dan rata sesuai untuk kegiatan pertanian dan ternakan berbanding dengan kawasan tanah tinggi.
5. Kawasan di tepi sungai mempunyai iklim yang sesuai untuk aktiviti manusia kerana lebih stabil dengan kelembapan yang tinggi.
6. Bentuk muka bumi di lembah-lembah sungai yang berteluk-teluk sesuai sebagai tempat perlindungan serta pertahanan jika diancam musuh.
7. Kawasan sekitar sungai juga dipilih sebagai tempat tinggal kerana sungai menyediakan kemudahan pengangkutan dan perhubungan. Aktiviti perdagangan berjalan dengan lancar kerana barang-barang dapat dibawa ke sesuatu tempat dengan mudah.
8. Adakalanya sungai dijadikan tempat untuk menjalankan upacara keagamaan. Orang Mesir percaya tuhan mereka tinggal di Sungai Nil manakala Sungai Ganges dijadikan tempat menjalankan upacara suci.

Kesimpulan

- Pemilihan lokasi tempat tinggal adalah penyesuaian antara manusia dengan alam sekelilingnya.
- Penempatan di lembah-lembah sungai mempunyai keunikan tersendiri dalam sejarah perkembangan tamadun manusia. Tidak hairanlah tamadun-tamadun awal manusia seperti di Sumeria, China, Mesir dan India terletak di lembah-lembah sungai.

5. Bincangkan ciri-ciri perbandaran yang wujud di India dan Mesopotamia.

Ulasan soalan

-Gambaran terhadap ciri-ciri perbandaran tamadun India dan Mesopotamia perlu diberikan bagi membuktikan kedua-dua tamadun mencapai tahap yang tinggi dalam aspek pembinaan bandar.

Pengenalan

-Perbandaran merupakan proses pertumbuhan dan pembinaan bandar ekoran pertambahan pesat penduduk kesan daripada migrasi penduduk ke kawasan bandar.

-Tamadun Sumeria atau Mesopotamia bermula di sekitar tahun 3500 S.M. dan berkembang di lembah pertemuan antara Sungai Tigris dan Sungai Euphrates.

Perkataan *Mesopotamia* berasal daripada bahasa Yunani yang bermakna *tanah di antara dua sungai*.

-Tamadun Indus terletak di Lembah Indus yang disaliri Sungai Indus. Tamadun Indus juga dikenali sebagai tamadun Harappa bersempena dengan nama Bandar utama tamadun ini.

Isi

Tamadun Mesopotamia

-Orang Sumeria dianggap sebagai Pembina bandar-bandar yang tertua di dunia.

Bandar-bandar yang mereka bina merupakan negara kota yang mempunyai system pentadbiran tersendiri. Antara Negara kota yang terkenal ialah Ur, Uresh, Kish dan Babylon.

- Bandar-bandar utama di Mesopotamia dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu pusat bandar, luar bandar dan pelabuhan. Setiap pusat bandar mempunyai pintu gerbang, rumah berhala, istana dan kediaman para pembesar.
 - Bentuk pintu gerbang menjadi lambang kekayaan sesebuah negara kota. Pintu-pintu gerbang diukir dengan ukiran yang mengagumkan. Kota Babylon misalnya mempunyai lapan pintu gerbang dan setiap pintu gerbang diberi nama bersempena nama tuhan-tuhan mereka.
 - Taman Tergantung Babylon yang dibina oleh Raja Nebuchadnezzar mempunyai taman yang ditanam dengan pelbagai pokok bunga. Pokok bunga yang ditanam pada binaan bertingkat di bukit berteres menampakkan seolah-olah taman tersebut tergantung.
 - Setiap bandar mempunyai jalan yang lurus dan lebar. Jalan-jalan raya menghubungkan pintu gerbang utama dengan tempat-tempat lain di kawasan bandar.
 - Biasanya di kawasan luar bandar, terdapat tembok dan kubu-kubu pertahanan untuk menghadapi ancaman musuh.
- Bandar pelabuhan pula berperanan mengendalikan kegiatan perdagangan dan menyediakan kemudahan asas kepada para pedagang.

Tamadun Indus

- Bandar Mohenjo-Daro dan Harappa mempunyai pelan struktur yang sama seperti bandar moden. Kedua-dua Bandar ini dibina dengan mempunyai dua bahagian utama iaitu kubu dan bandar.
- Kubu dibina bertujuan mengelakkan ancaman banjir dan juga serangan musuh.
- Bangunan yang dibina berbentuk empat segi dan dibina di sepanjang jalan raya. Jalan-jalan raya dan lorong yang lurus dibina untuk memudahkan laluan manusia dan kenderaan.
- Rumah-rumah dibina secara tersusun dan bersistematik. Terdapat jarak dan ruang antara sebuah rumah dengan rumah yang lain untuk memudahkan peredaran udara dan untuk menjamin keselesaan penduduk.
- Terdapat sistem pembentungan di bawah tanah. Longkang-longkang dan parit bawah tanah dihubungkan dengan sungai.
- Longkang yang dalam dan tertutup dibina di sepanjang jalan utama.
- Rumah mandian dan tandas awam dibina di tempat-tempat tertentu di bandar untuk kemudahan warga kota.
- Great Bath merupakan kolam mandian yang dikaitkan dengan upacara agama Hindu.
- Terdapat juga gudang yang berkeluasan 150X120 kaki yang mengandungi beberapa bahagian bagi menyimpan makanan.

Penutup

- Penemuan aspek-aspek perbandaran di kedua-dua tamadun membuktikan bahawa manusia mempunyai kebijaksanaan tersendiri bagi merancang pembangunan bandar masing-masing.

6.Huraikan aspek kepercayaan dan agama masyarakat Arab.

Ulasan soalan

Calon perlu menghuraikan aspek-aspek agama dan kepercayaan yang diamalkan oleh masyarakat Arab.

Pengenalan

-Kewujudan agama dan kepercayaan dalam tamadun manusia adalah hasil daripada hubungan manusia dengan alam sekelilingnya. Mereka percaya bahawa alam sekeliling boleh memberi kebaikan atau keburukan. Justeru untuk berdamai dengan alam sekeliling, mereka melakukan aktiviti-aktiviti pemujaan dan pengorbanan.

-Ahli-ahli sosiologi menakrifkan agama sebagai satu system kepercayaan dan amalan oleh kelompok manusia yang mempunyai tafsiran dan gerak balas yang tersendiri terhadap apa yang dianggap suci atau kudus.

-Kedua-dua tamadun iaitu Arab dan India mempunyai keunikan tersendiri.

Isi

-Kepercayaan masyarakat Arab terbahagi kepada dua iaitu kepercayaan animisme dan kepercayaan beragama.

-Sebahagian masyarakat Arab mengamalkan kepercayaan animisme. Cara penyembahan dan pemujaan yang dilakukan bergantung kepada tempat tinggal dan pekerjaan mereka. Jika mereka bertani, mereka memuja matahari, bulan dan semangat tanaman.

-Masyarakat Arab juga percaya kepada unsure-unsur tahyul. Sebelum melakukan sesuatu, mereka akan melihat burung terbang. Apabila memulakan sesuatu perjalanan, jika burung terbang di sebelah kiri, menandakan perjalanan tidak selamat.

-Selepas kedatangan agama Islam, kepercayaan tadi telah berubah. Perubahan telah berlaku dalam aspek keagamaan iaitu hampir seluruh masyarakat telah disatukan di bawah satu akidah yang berasaskan keimanan kepada Allah s.w.t.

-Golongan beragama pula boleh dikategorikan kepada lima iaitu menyembah berhala, menyembah api, agama Nasrani, agama Yahudi dan agama Hanif.

-Agama menyembah berhala atau Wathani dikatakan paling popular di kalangan orang Arab. Ada yang berpendapat tujuan menyembah berhala ialah untuk mengagungkan Kaabah. Ini dilakukan dengan membawa batu-batu di sekitar Kaabah ke tempat masing-masing setelah menyelesaikan amalan haji dan batu-batu ini kemudiannya disembah. Satu lagi pendapat ialah Hajar Aswad yang berada di Kaabah dikatakan berpunca dari langit. Berhala-berhala yang disembah diperbuat daripada kayu, batu, logam malah daripada emas dan perak sama ada berbentuk asli atau replika.

-Agama Majusi ialah agama menyembah api dan berasal dari Parsi. Penganut agama ini percaya terdapat tuhan iaitu Tuhan Kebaikan (Cahaya) dan Tuhan Kejahatan (Gelap-gelita). Justeru untuk menjamin Tuhan KEbaikan mendampingi mereka, api dinyalakan di rumah mereka.

-Agama Yahudi dibawa oleh Nabi Musa a.s. yang diutuskan kitab Taurat kepadanya. Penganut terawal agama ini ialah kaum Bani Israel. Meskipun begitu, mereka telah mengubah isi kandungan kitab Taurat,

-Agama Nasrani (Kristian) dibawa oleh Nabi Isa a.s. dan penganut asalnya juga terdiri daripada Bani Israel. Mereka juga dikatakan telah mengubah isi kandungan kitab Injil. Namun begitu, masih terdapat segelintir penganut agama ini yang mengamalkan ajaran asal agama Nasrani dan mereka digelar Ahl al-Kitab.

-Terdapat segelintir masyarakat Arab yang menganut agama yang dibawa oleh Nabi Ibrahim a.s. yang digelar agama Hanif. Nabi Muhammad s.a.w. adalah tergolong dalam agama ini iaitu yang mempercayai Tuhan itu esa (mentauhidkan Allah s.w.t.)

Kesimpulan

-Terdapat perbezaan yang agak ketara di kalangan masyarakat Arab dari segi kepercayaan mereka terhadap Tuhan khususnya antara sebelum dan selepas kedatangan agama Islam.

7. Huraikan susun lapis dalam masyarakat Mesir dan Mesopotamia.

Ulasan soalan

Calon dikehendaki menghuraikan susun lapis masyarakat kedua-dua tamadun ini. Jika boleh dibandingkan sedikit kedudukan golongan tertentu dalam kedua-dua masyarakat berkenaan.

Pengenalan

- Pertambahan penduduk dan kepelbagaian aktiviti ekonomi telah membawa kepada proses pembahagian masyarakat yang lebih kompleks.
- Sistem sosial masyarakat tamadun awal selalunya berbentuk piramid dan bersusun lapis.

Isi

Susun lapis masyarakat Mesir

- Secara umumnya susun lapis masyarakat Mesir boleh dibahagikan kepada tiga kategori iaitu kelas atasan, kelas menengah dan kelas bawahan.
- Golongan atasan terdiri daripada Firaun dan keluarga diraja. Firaun menduduki puncak tertinggi dalam organisasi masyarakat Mesir. Baginda merupakan raja berkuasa mutlak dan dianggap suci oleh masyarakat Mesir. Firaun juga dianggap sebagai anak Tuhan Matahari iaitu Amon-Re.
- Keluarga diraja juga mempunyai keistimewaan dalam masyarakat Mesir. Mereka mendominasi jawatan-jawatan penting dalam system pemerintahan.
- Golongan pendeta dan bangsawan merupakan golongan menengah atas yang bertindak sebagai golongan pentadbir. Antara tugas pendeta ialah mentadbir hal-hal yang berkaitan keagamaan seperti membaca jampi, memohon tanah menjadi subur dan menyembahyangkan roh orang yang mati. Golongan pendeta mempunyai pengaruh yang besar dalam soal perlantikan firaun.
- Golongan bangsawan pula berperanan sebagai wazir, pegawai istana dan pemungut cukai. Antara tugas wazir ialah mengendalikan kes-kes di peringkat wilayah, mengawasi kerja-kerja membina dan membaiki terusan, menjalankan banci sumber-sumber negara, merekod kejadian banjir, menyediakan buruh paksa, menyambut duta serta menerima ufti.
- Golongan menengah bawah pula terdiri daripada anggota tentera, pembantu raja, tukang-tukang mahir dan petani. Biasanya golongan tentera dipilih daripada golongan separa professional, artisan dan petani. Golongan tentera yang berjaya dalam ekspedisi peperangan akan diberi beberapa keistimewaan seperti memiliki pangkat, tanah, dan mendapat harta rampasan perang.

- Pembantu raja pula berperanan sebagai tukang-tukang membuat tembikar, pekerja pengangkutan dan tugas utama mereka ialah membina piramid diraja.
- Golongan petani ramai jumlahnya dan kebanyakan mereka menanam gandum dan barli. Dua pertiga daripada hasil para petani akan diserahkan kepada kerajaan sebagai cukai. Kadang-kadang mereka dikerah menjadi buruh paksa untuk membina piramid.
- Golongan bawahan pula ialah hamba. Golongan yang tidak memiliki kebebasan inikebanyakannya terdiri daripada tawanan perang. Mereka memberi perkhidmatan kepada semua golongan yang berada di atas mereka dalam susun lapis masyarakat Mesir.

Susun lapis masyarakat Mesopotamia

- Secara umumnya struktur sosial masyarakat Mesopotamia terbahagi kepada tiga lapisan iaitu golongan atasan, golongan menengah dan golongan bawahan.
- Golongan atasan terdiri daripada raja atau pendeta dan golongan bangsawan. Mengikut kepercayaan masyarakat Mesopotamia, raja adalah wakil tuhan yang akan mentadbir negara dengan adil dan saksama. Raja berperanan dalam bidang pemerintahan, ketenteraan dan keagamaan.
- Golongan pendeta mendapat tempat dalam masyarakat Mesopotamia kerana system pemerintahan masyarakat Mesopotamia bersifat teokrasi iaitu tidak memisahkan unsure keagamaan dengan aspek kehidupan seharian.
- Golongan bangsawan membantu raja menjalankan pentadbiran. Antara jawatan golongan bangsawan ialah ketua pendeta, ketua tentera gabenor wilayah, pembawa alat kebesaran raja dan sebagainya.
- Golongan bangsawan tinggal di tanah milik raja atau tanah-tanah kurniaan raja kepada mereka.
- Kategori kedua iaitu golongan menengah terdiri daripada kalangan profesional. Golongan ini terdiri daripada golongan pedagang, doktor, ahli sifir, guru, juru tulis dan golongan artisan. Golongan profesional diberi kebebasan dalam banyak perkara dan tidak diwajibkan berkhidmat dalam bidang ketenteraan kecuali apabila kota mereka menghadapi ancaman musuh.
- Rakyat biasa dan hamba menduduki hierarki terendah. Kebanyakan rakyat biasa adalah petani. Golongan hamba pula terdiri daripada tawanan perang dan orang tempatan yang dijual sebagai hamba sejak kecil lagi. Bagaimanapun, jika mereka patuh kepada tuan mereka, mereka berpeluang untuk dibebaskan.

Kesimpulan

- Susun lapis dalam masyarakat telah menjadikan kehidupan kedua-dua masyarakat Mesir dan Mesopotamia lebih teratur.
- Kehidupan berorganisasi mampu mengatur cara hidup kedua-dua masyarakat tersebut bagi memastikan kestabilan dan kemakmuran kehidupan mereka.

Soalan

Alam sekitar mempunyai pengaruh yang besar kepada pembentukan tamadun masyarakat prasejarah. Bincangkan.

Ulasan Soalan

Soalan ini menghendaki calon membincangkan pengaruh alam sekitar kepada kehidupan masyarakat prasejarah. Tumpuan perbincangan yang berkaitan dengan pengaruh alam sekitar ialah petempatan, peralatan, corak kehidupan, tulisan dan bahas serta agama dan kepercayaan.

JAWAPAN LENGKAP

Manusia merupakan sebahagian daripada alam sekitar. Hubungan manusia dengan alam sekitar dan bagaimana manusia mentafsirkan hubungan tersebut dan membuat beberapa pengubahsuaian dalam hubungan tersebut, merupakan langkah awal pembentukan tamadun manusia.

Zaman prasejarah ialah zaman sebelum wujudnya rekod bertulis tentang kehidupan manusia. Zaman prasejarah umumnya dibahagikan kepada dua iaitu zaman prasejarah awal yang terdiri daripada zaman Paleolitik dan Zaman Mesolitik serta zaman prasejarah akhir yang terdiri daripada zaman Neolitik. Kehidupan masyarakat prasejarah dikatakan amat bergantung kepada pengaruh alam sekitar.

Alam sekitar banyak mempengaruhi pemilihan tempat tinggal atau petempatan masyarakat prasejarah. Masyarakat Paleolitik misalnya memilih gua, lubang bawah tanah, ranting yang ditutup dengan rumput atau daun supaya dapat melindungi daripada ancaman binatang buas, musuh dan kesejukan. Berbeza pula dengan masyarakat Neolitik yang memilih lembah-lembah sungai, dataran tanah pamah dan pesisiran patai sebagai tempat tinggal kerana ingin mendapatkan bekalan air, kesuburan tanaman, menangkap ikan, kemudahan perhubungan dan pengangkutan.

Alam sekitar juga mempengaruhi agama dan kepercayaan masyarakat prasejarah. Aspek alam sekitar yang tidak difahami pergerakannya yang juga mengancam kesejahteraan dan kehidupan mereka telah ditakrifkan sebagai mempunyai kuasa luar biasa. Masyarakat Neolitik yang mengharap kepada hasil pertanian tentunya amat bergantung kepada pengaruh alam sekitar. Upacara pemujaan dan amalan korban dijalankan membuktikan bahawa mereka percaya kepada kuasa ghaib dan alam semesta. Dengan cara ini mereka boleh *berdamai* dengan alam sekitar.

Alam sekitar turut mempengaruhi peralatan yang digunakan oleh masyarakat prasejarah. Masyarakat Paleolitik menggunakan peralatan yang mudah dan ringkas. Masyarakat Neolitik menggunakan peralatan yang lebih kurang sama tetapi lebih halus dan kemas kerana diperbuat daripada daripada batu gua dan batu kapur. Peralatan yang didapati mudah diperolehi kerana mereka tinggal di tepi sungai. Suhu yang sejuk menyebabkan masyarakat Paleolitik membuat baju daripada bulu binatang dan kulit. Masyarakat Neolitik mencipta roda dan kapal layar. Dalam bidang pertanian, masyarakat Neolitik mencipta cangkul, tajak dan kapak. Persekitaran mencabar manusia mencipta peralatan-peralatan tersebut.

Alam sekitar mempengaruhi kegiatan ekonomi masyarakat prasejarah. Masyarakat Paleolitik amat bergantung kepada alam sekitar untuk mendapatkan makanan

seperti memburu binatang dan memungut hasil hutan. Perdagangan lebih giat dijalankan pada zaman Neolitik ekoran adanya sungai yang membolehkan mereka menjalankan perdagangan secara tukar barang. Pertanian semakin giat dijalankan ekoran pembentukan kawasan delta yang subur. Jelas, alam sekitar mempengaruhi kegiatan ekonomi masyarakat prasejarah.

Corak kehidupan manusia turut dipengaruhi alam sekitar. Masyarakat Paleolitik berpindah randah dan hidup secara nomad untuk mencari makanan dan kawasan yang selamat. Mereka tidak memiliki harta. Masyarakat Neolitik yang tinggal di lembah sungai, tasik dan sebagainya mula melakukan aktiviti-aktiviti yang sesuai dengan tempat tinggal mereka.

Penguasaan terhadap alam sekitar berlaku secara kebetulan tanpa perancangan yang rapi. Wujudnya proses saling meresapi antara manusia dan alam sekitar telah banyak membantu penguasaan manusia melalui teknologi ciptaannya terhadap alam sekitar dan ini bererti meningkatnya tamadun manusia.

Soalan 1 STPM 2000

Bincangkan kepentingan zaman Neolitik kepada perkembangan tamadun manusia.

Ulasan soalan

Calon diminta membincangkan kepentingan zaman Neolitik kepada perkembangan tamadun manusia khususnya dari segi peralatan, perbandaran dan sebagainya.

Pengenalan

- Zaman prasejarah ialah zaman yang tidak mempunyai rekod bertulis. Justeru, ahli-ahli sejarah bersetuju dengan pengklasifikasian bahawa zaman sejak bermulanya penciptaan sistem tulisan dianggap sebagai zaman sejarah.
- Zaman prasejarah dibahagikan kepada dua iaitu prasejarah awal dan prasejarah akhir. Zaman Paleolitik dan Mesolitik tergolong dalam zaman prasejarah awal manakala zaman Neolitik tergolong dalam zaman prasejarah akhir.
- Perkembangan yang berlaku dalam zaman Neolitik khususnya revolusi pertanian telah membawa perubahan yang bukan sedikit kepada peradaban manusia.

Isi

- Zaman Neolitik juga dikenali sebagai Zaman Batu Baru. Zaman ini berlangsung di antara tahun 7000 S.M. sehingga 3500 S.M. Pada zaman ini berlaku peningkatan kualiti hidup manusia dalam pelbagai bidang.
- Manusia mula membina petempatan kekal dan menetap di lembangan sungai dan pesisiran pantai.
- Mereka mula bercucuk tanam dan menternak binatang di sekitar tempatan tinggal mereka. Revolusi pertanian yang berlaku pada zaman ini meningkatkan hasil pertanian. Hasil tersebut dijual kepada penduduk berdekatan.

- Lama kelamaan, petempatan mereka berkembang menjadi bandar yang seterusnya membawa kepada kelahiran tamadun awal.
- Masyarakat Neolitik juga telah mencipta peralatan yang lebih baik khususnya yang berkaitan dengan bidang pertanian. Peralatan seperti kapak, bajak, tajak, cangkul telah dicipta daripada batu granit.
- Bulu binatang ditenun, membuat bakul untuk menyimpan hasil tanaman. Tembikar pula dicipta untuk menyimpan air, bijirin dan makanan.
- Masyarakat seterusnya maju setapak lagi seperti di Mesopotamia dengan mencipta roda dan layar kapal.
- Pada zaman Neolitik masyarakat mula menetap dalam kelompok yang besar. Masyarakat Neolitik dibentuk berdasarkan sistem keluarga. Ketua keluarga berperanan menyelesaikan pertelingkahan yang berlaku dalam sesebuah keluarga. Keadaan ini akhirnya membawa kepada wujudnya susun lapis dalam masyarakat.
- Hasil pertanian diperdagangkan antara kawasan-kawasan kampung. Pada masa itu, sistem ekonomi barter dijalankan dan perahu digunakan untuk mengangkut barangan.

Kesimpulan

- Perubahan-perubahan yang berlaku pada zaman Neolitik khususnya penciptaan alat-alat pertanian menyebabkan munculnya bandar-bandar awal yang kemudiannya membawa kepada kemunculan tamadun awal manusia seperti di Mesir dan Mesopotamia.

Soalan 1 STPM 2004

Bincangkan kepentingan revolusi pertanian pada zaman Neolitik.

Ulasan soalan

Calon diminta membincangkan kepentingan revolusi pertanian pada zaman Neolitik terhadap perubahan corak hidup manusia dari segi pertempatan, pertanian, perdagangan, agama dan kepercayaan, perbandaran dan sebagainya.

Pengenalan

- Manusia tidak lagi bergantung sepenuhnya kepada alam persekitarannya, sebaliknya mula menguasai alam persikaran fizikal untuk memenuhi tuntutan ekonomi.
- Kesan daripada revolusi pertanian menyebabkan kehidupan masyarakat Neolitik bertambah kompleks yang akhirnya mewujudkan masyarakat bandar yang bertamadun.

Isi

- Perubahan corak penempatan manusia. Masyarakat zaman Neolitik tidak lagi berpindah-randah untuk mencari makanan seperti memburu binatang. Manusia mula menetap dan menjalankan aktiviti bercucuk tanam dan menternak binatang.
- Bentuk kegiatan ekonomi mula berubah iaitu daripada ekonomi sara diri kepada ekonomi komersial.
- Pertambahan jumlah penduduk membolehkan masyarakat Neolitik membuka kawasan-kawasan baru yang tanahnya subur untuk dijadikan kawasan pertanian. Ahli-ahli arkeologi telah menemui tapak-tapak penempatan di beberapa tempat seperti di Turki, Iran, Syiria dan Mesir yang membuktikan bahawa kebudayaan masyarakat Neolitik sudah tersebar luas di merata tempat.

-Peralatan dan teknologi yang dihasilkan pada zaman Neolitik lebih baik dan maju. Hal ini bermaksud peralatan yang dicipta lebih halus dan diubahsuai mengikut keperluan khususnya dalam bidang pertanian.

-Wujudnya pengkhususan pekerjaan seperti golongan lelaki memburu binatang dan golongan wanita bekerja di tanah pertanian.

-Wujudnya organisasi sosial kerana setiap golongan dalam masyarakat mempunyai peranan dan tugas-tugas tertentu. Golongan pemerintah berada di lapisan teratas.

-Masyarakat mula mempunyai agama dan kepercayaan. Agama muncul daripada kepercayaan terhadap kuasa semula jadi yang mempengaruhi hasil pertanian mereka.

Kesimpulan

-Revolusi pertanian telah mengubah corak kehidupan masyarakat Neolitik yang akhirnya membawa kepada kemunculan tamadun-tamadun awal seperti Mesir, China, Indus dan Sumeria.

Soalan 2 STPM 2000

Jelaskan ciri-ciri utama masyarakat bertamadun dengan merujuk kepada tamadun-tamadun awal seperti Mesopotamia, Mesir, Hwang Ho dan Mohenjo Daro-Harappa yang muncul di kawasan lembah sungai besar.

Ulasan soalan

Calon diminta menghuraikan ciri-ciri masyarakat bertamadun dengan memberi contoh-contoh tamadun awal yang dinyatakan.

Pengenalan

-Sesebuah masyarakat bertamadun telah mencapai tahap kemajuan dalam pelbagai bidang.

-Pencapaian tersebut dapat dilihat dalam aspek fizikal dan juga kerohanian.

-Tamadun-tamadun awal seperti tamadun Mesir, Sumeria, Lembah Indus dan Hwang Ho mempunyai beberapa ciri utama yang menggambarkan mereka sudah bertamadun.

Isi

1.Sistem pemerintahan dan pentadbiran yang cekap dan berkesan. Sesebuah kerajaan yang memiliki sistem pentadbiran yang berkesan mampu menguruskan negara dengan sempurna. Sistem pemerintahan di Mesopotamia berbentuk teokrasi. Di bawah system ini, raja dianggap sebagai tuhan atau wakil tuhan. Raja bertindak sebagai ketua agama dan berkuasa melantik ahli keluarga diraja untuk memegang jawatan di ziggurat serta menentukan bentuk pentadbirannya. Begitu juga dengan system undang-undang yang diperkenalkan mampu mengawal masyarakat supaya mengikut arahan pemerintah. Kod undang-undang Hammurabi adalah contoh undang-undang yang dapat mengawal tingkah laku manusia daripada melanggar peraturan dan norma-norma masyarakat.

2.Sistem tulisan.Satu ciri yang membezakan antara masyarakat bertamadun dengan masyarakat tidak bertamadun ialah penggunaan system tulisan. Dalam tamadun China,

system tulisan dalam bentuk gambar dan lambang digunakan oleh masyarakat Shang untuk membuat hubungan dengan roh nenek moyang. Sistem tulisan dalam tamadun Mesir pula bertujuan mencatatkan rekod aktiviti pertanian dan juga pengutipan cukai.

3. Susun lapis masyarakat. Susun lapis dalam masyarakat juga sering dirujuk sebagai salah satu ciri masyarakat bertamadun. Kehidupan berorganisasi dalam masyarakat Mesir diketuai oleh firaun yang merupakan raja berkuasa mutlak serta dianggap suci. Selepas firaun ialah golongan bangsawan, rahib, tuan tanah serta golongan juru tulis. Seterusnya diikuti dengan golongan rakyat bebas yang terdiri daripada petani, pedagang dan artisan. Lapisan terbawah ialah golongan hamba. Masyarakat Mesopotamia pula terdiri daripada golongan *Amelu* atau bangsawan yang terdiri daripada raja dan pendeta, *Mushkinu* iaitu golongan pedagang dan petani dan golongan paling bawah iaitu golongan hamba.

4. Sistem kepercayaan dan agama. Masyarakat bertamadun juga mempunyai agama dan kepercayaan masing-masing. Dalam tamadun Mesir, agama dibahagikan kepada agama biasa dan agama pengebumian. Masyarakat Mesir percaya bahawa alam ini dikuasai oleh Tuhan dan dewa-dewi yang menentukan hidup dan mati segala benda di alam ini. Antara tuhan-tuhan yang disembah ialah Amon-Re (Tuhan Matahari), Osiris (Tuhan Sungai Nil) dan Isis (Tuhan Bulan).

5. Perkembangan bandar. Sesebuah masyarakat bertamadun itu tidak lengkap jika tidak berkembang di kawasan bandar. Justeru, istilah-istilah tamadun sering dikaitkan dengan perkembangan *bandar* atau *kota*. Hal ini kerana di bandarlah berlaku kegiatan ekonomi yang rancak di samping menjadi pusat pentadbiran dan kebudayaan.

6. Pengkhususan kerja dan pencapaian dalam bidang teknologi. Kedua-dua aspek ini menjadi penanda bahawa masyarakat itu sudah bertamadun. Penciptaan roda dalam masyarakat Mesopotamia menunjukkan mereka sudah meneroka bidang yang memberi sumbangan kepada generasi selepas mereka.

Kesimpulan

- Jika sesebuah masyarakat memenuhi kebanyakan ciri-ciri di atas, maka dapatlah dianggap masyarakat itu sudah bertamadun.
- Bagaimanapun, soal-soal kerohanian dalam sesebuah masyarakat perlu diambil kira dalam menentukan sesebuah masyarakat itu sudah bertamadun atau tidak.

TEMA 2: PEMERINTAHAN DAN PENTADBIRAN

Soalan 1

Bincangkan konsep negara kota dan huraikan ciri-ciri negara kota di Yunani.

Ulasan soalan

Ada dua perkara yang perlu dibincangkan di sini iaitu konsep negara kota dan ciri-ciri negara kota di Yunani.

Pengenalan

- Negara kota adalah manifestasi awal negara. Hal ini adalah kerana sesebuah negara kota mempunyai sistem pemerintahan, undang-undang dan penduduknya sendiri.
- Tamadun Yunani bermula dengan pembentukan petempatan manusia yang dikenali sebagai negara kota atau *polis*.
- Negara kota terbentuk hasil gabungan beberapa buah kampung dan Bandar sekitar tahun 1000 hingga 800 S.M.

Isi

Konsep negara kota

- Negara kota berpusat di sebuah kota atau bandar. Saiznya sudah tentu lebih kecil daripada sebuah negeri dan empayar.
- Tiap-tiap negara kota mempunyai pemerintahnya sendiri, selalunya seorang raja dan dibantu oleh ahli agama (pendeta). Adakalanya raja dan pendeta adalah orang yang sama seperti di Mesopotamia.
- Setiap negara kota mempunyai kuasa autonomi masing-masing dan mempunyai peraturan serta undang-undang sendiri.
- Apa yang menarik ialah kepatuhan serta kesetiaan penduduknya berpusat kepada negara kota sehingga mereka sanggup mempertaruhkan diri kepada negara kota mereka.
- Masyarakat dalam setiap negara kota sentiasa bersatu padu. namun peperangan sering berlaku antara negara kota tersebut.
- Pembinaan bandar di kebanyakan negara kota adalah terancang dan mempunyai pelbagai kemudahan seperti kubu, rumah ibadat dan sebagainya. aspek pertahanan amat dititikberatkan khususnya bagi menghadapi ancaman luar.

Perkembangan negara kota Yunani

- Tamadun Yunani bermula daripada kampung-kampung kecil yang terletak berselerak di seluruh tanah besar Yunani dan pulau-pulau di selatan.
- Pulau Crete merupakan tempat kelahiran pertama tamadun Yunani. Orang Yunani yang membina tamadun itu berbangsa Agean dan mereka dikatakan orang Yunani terawal memasuki tanah besar.
- Bangsa Dorian dari utara telah menakluk Yunani dan menjadikan Sparta sebagai Bandar mereka. Manakala Athens tidak diganggu atau dimusnahkan. lama kelamaan penduduk setiap lembah bergabung menjadi satu komoniti politik dan bersama-sama menyembah dewa-dewa, berniaga, menjaga keselamatan dan menjalankan pemerintahan.

-Bagi penduduk Yunani, setiap negara kota mempunyai latar belakang sejarah, undang-undang dan tuhan-tuhan mereka merupakan sesuatu yang unik dan menganggap mereka sebagai daripada institusi tersebut.

-Menurut Aristotle, negara kota Yunani terbentuk daripada tiga institusi iaitu keluarga, kampung/bandar dan negara kota.

-Kesetiaan mereka terhadap negara kota tidak boleh dipertikaikan. Mereka bukan sahaja sanggup mempertahankan negara kota mereka malah sepanjang hidup mereka, segala fikiran dan perbuatan ditumpukan kepada negara kota mereka.

-Setiap negara kota biasanya tidak besar dengan purata penduduk antara 5000 hingga 10 000 orang. Athens pada sesuatu masa mempunyai penduduk berjumlah 40 000 orang.

-Biasanya di tengah-tengah negara kota Yunani terdapat acropolis yang menjadi pusat pentadbiran dan tumpuan aktiviti negara kota. Acropolis dibina di tengah-tengah bukit dan di kawasan berbatu yang dapat melihat keseluruhan pemandangan sesebuah negara kota.

-Hampir semua negara kota Yunani memberi tumpuan kepada aktiviti perdagangan kecuali Sparta. Keadaan sedemikian wujud kerana keadaan muka bumi Yunani yang bergunung-ganang dan kurang sesuai untuk pertanian.

Kesimpulan

-Negara kota di Yunani khususnya Athens dan Sparta masih dingati kerana telah memperkenalkan sistem pemerintahan demokrasi dan pemerintahan bercorak tentera serta melahirkan ahli-ahli falsafah yang membicarakan isu-isu yang masih relevan hingga kini.

-Kemunculan negara kota di Yunani menjadi perintis kepada perkembangan institusi-institusi pemerintahan seperti konsep negara bangsa dan empayar.

Soalan 2

Huraikan sistem pemerintahan pusat dan wilayah di India dan China.

Ulasan soalan

Calon diminta menghuraikan system pemerintahan pusat dan wilayah tamadun India dan China. Kefahaman calon tentang konsep pemerintahan pusat dan wilayah adalah penting untuk memastikan huraian calon lebih kemas dan berkesan.

Pengenalan

-Pentadbiran ialah sistem yang melaksanakan pemerintahan sesebuah kerajaan. Semakin luas negara dan ramainya jumlah penduduk, makin semakin rumit pula corak pentadbirannya.

-Secara umumnya pemerintahan sesebuah kerajaan dibahagikan kepada dua iaitu pemerintahan peringkat pusat yang biasanya beroperasi di ibu kota dan pemerintahan peringkat wilayah yang beroperasi di wilayah-wilayah di luar ibu kota. Setiap wilayah biasanya dipertanggungjawabkan kepada seorang pentadbir yang dikenali sebagai gabenor.

-Pentadbiran pusat yang dapat mengawal para pembesarnya akan dapat mewujudkan kelancaran pentadbiran di seluruh wilayahnya.

Isi

Pentadbiran pusat dan wilayah India

- Pentadbiran di peringkat pusat diketuai oleh raja yang berperanan sebagai ketua pentadbir, ketua hakim, penggubal undang-undang dan ketua tertinggi angkatan tentera.
- Raja dibantu oleh Majlis Menteri dan *Mantri Prasad*. Majlis tersebut terdiri daripada menteri-menteri dan diketuai perdana menteri. Menteri-menteri tadi akan mengetuai sesuatu jabatan/kementerian seperti jabatan kewangan, peperangan dan sebagainya.
- Empayar Maurya dibahagikan kepada beberapa wilayah yang diketuai oleh wizurai. Pegawai-pegawai kerajaan di wilayah-wilayah perlu melaksanakan tugas mengikut arahan kerajaan pusat.
- Chandragupta Maurya telah membahagikan wilayah-wilayahnya kepada empat iaitu bahagian Barat, Selatan, Barat Laut dan Kalinga. Setiap wilayah itu diketuai oleh wizurai yang biasanya terdiri daripada putera-putera raja.
- Wilayah-wilayah ini pula dibahagikan kepada unit pentadbiran daerah yang ditadbir oleh gabenor. Daerah pula dipecahkan kepada kampung-kampung yang diketuai oleh penghulu atau *gramini* yang dibantu oleh pengutip cukai dan jurukira.
- Terdapat juga perisik di peringkat daerah yang akan melaporkan kepada pemimpin wilayah untuk memastikan pemimpin menghidu perkara-perkara yang tidak ingin berlaku.
- Selain itu, terdapat pegawai kerajaan yang dikenali sebagai Astynomi (pesuruhjaya bandaran). Di kawasan-kawasan bandar, pentadbirannya diketuai oleh *Nagarpati*.
- Semasa pemerintahan kerajaan Moghul di India, pemerintahannya dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu pengurusan istana, pengurusan tentera dan pengurusan empayar. Akbar telah melantik pegawainya yang digelar mansabdar dan mempunyai kuasa dalam ketenteraan dan pengutipan cukai. Mereka diberi kawasan (jagir) dan mempunyai hak untuk mengutip cukai.
- Mansabdar mengetuai angkatan tentera berkuda. Pentadbiran awam kerajaan diketuai oleh seorang perdana menteri yang dikenali sebagai *wakkil*, manakala pengurusan cukai tanah diuruskan oleh *wazir*.
- Setiap wilayah diketuai oleh wakil pemerintah yang dikenali sebagai subahdar. *Kotwal* pula bertanggungjawab melaksanakan pentadbiran di kawasan bandar.

Pentadbiran pusat dan wilayah China

- Pemerintah Dinasti Chou mengamalkan sistem feodal. raja mempunyai kuasa mutlak manakala pentadbiran wilayah diberikan kepada golongan bangsawan dan putera-putera raja. Kedua-dua golongan ini diberi kuasa mutlak memerintah kawasan masing-masing. Mereka dikuasai oleh raja.
- Sungguhpun begitu, pemusatan kuasa yang diamalkan oleh dinasti ini adalah longgar kerana adalah sukar untuk mengawal sepenuhnya wilayah yang luas. Pemerintah Chou hanya mendapat taat setia daripada pembesar-pembesar wilayah menerusi satu upacara taat setia kepada raja Chou. raja-raja Chou juga bertindak memberi tanah dan gelaran kepada pembesar-pembesar ini.

- Di setiap wilayah dan daerah, pemerintah mewujudkan sistem birokrasi dengan menubuhkan jabatan-jabatan tertentu seperti jabatan undang-undang, jabatan kewangan bagi melicinkan pentadbiran.
- Pemerintah Dinasti Chin, Shih Huang Ti menjalankan sistem pemerintahan berpusat dengan menubuhkan ibu kota di sang Yang. Semua kuasa kerajaan adalah di bawah kuasa maharaja yang memerintah terus dari ibu kota. Shih Huang Ti telah menghapuskan sistem feodal dengan menghapuskan kuasa dan pengaruh golongan bangsawan dan pegawai-pegawai feodal di peringkat wilayah dan daerah.
- Untuk melicinkan pentadbiran di seluruh empayarnya, Shih Huang Ti telah memperkenalkan 'scholar system'. Sekumpulan kakitangan awam telah dilatih untuk menjadi gabenor dan pegawai-pegawai yang berkhidmat dengannya. Setiap daripada mereka dilatih selama 15 tahun untuk menjadi anggota kakitangan awam.
- Penasihat utama maharaja dikenali sebagai Canselor, manakala Marshall pula menjadi setiausaha maharaja dan bertanggungjawab dalam hal-hal ketenteraan.
- Shih Huang Ti membahagikan empayarnya kepada 36 wilayah (kemudiannya 42) yang diperintah oleh ahli keluarganya atau pegawai tentera yang banyak berjasa kepadanya. Seorang gabenor awam dan gabenor tentera dilantik di setiap wilayah.
- Gabenor-gabenor-gabenor yang dilantik mengetuai wilayah ini dikawal oleh pusat pemerintahan maharaja. Justeru, seorang pemerhati telah dilantik bagi mengawasi tindak-tanduk gabenor-gabenor wilayah tadi. Pegawai-pegawai ini akan melapor kepada kerajaan pusat, dan dengan cara ini kerajaan pusat boleh mengawasi semua wilayah dalam empayarnya.
- Bagi mengelakkan pemberontakan berlaku, usaha merampas senjata dilakukan. Sementara itu, lebih 120 000 keluarga aristocrat telah dibawa ke ibu negeri iaitu Hsienyang, pusat kerajaan Dinasti Chin.
- Era pemerintahan Dinasti Han menampakkan semula sistem feudalisme apabila pengasas dinasti ini Liu Pang membentuk lapan buah negeri dan negeri-negeri itu ditadbir oleh penyokong-penyokong kuatnya.
- Di bawah Maharaja Wu Ti, sistem pemusatan kuasa dan kerajaan pusat dikatakan lebih kukuh berbanding dengan yang pernah wujud semasa pemerintahan Shih Huang Ti. bagaimanapun pemimpin-pemimpin wilayah tidak diberikan kuasa yang terlalu banyak dan mereka tidak dibenarkan memiliki kekayaan yang banyak. Hal ini adalah bertujuan menjadikan pentadbiran pusat teguh dan tidak dicabar.
- Satu lagi usaha pemusatan kuasa kerajaan Han ialah dengan mengurangkan beban yang ditanggung oleh rakyatnya. Antara langkah yang diambil ialah mengurangkan cukai pertanian, mengurangkan kerja-kerja buruh paksa serta unsur-unsur kezaliman yang diamalkan oleh Dinasti Chin turut dikurangkan.
- Pentadbiran peringkat wilayah turut diawasi oleh kerajaan pusat termasuklah dalam soal-soal perlantikan pegawai dan pertukaran pegawai-pegawai kerajaan. Pegawai pentadbir utama di peringkat wilayah ialah wizurai, gabenor jeneral, gabenor dan bendahari.
- Unit pentadbiran yang lebih kecil diketuai oleh Tao Tai iaitu ketua daerah dan majistret. Mereka bertindak sebagai pengutip cukai, hakim dan menaga keamanan

Kesimpulan

- Keberkesanan sistem pemerintahan di peringkat pusat dan wilayah mampu memajukan usia beberapa kerajaan di China dan India.

-pengubahsuaian dari segi struktur organisasi pentadbiran dilakukan selaras dengan keadaan semasa yang difikirkan sesuai pada waktu itu.

Soalan 3

Tamadun India telah melahirkan seorang tokoh terbilang yang sukar ditandingi iaitu Asoka. Bincangkan.

Ulasan soalan

Calon dikehendaki menghuraikan sumbangan Asoka dalam pelbagai bidang.

Pengenalan

- Asoka dikatakan menaiki takhta sekitar tahun 269 S.M., tiga atau empat tahun selepas kemangkatan ayahandanya, Bindusura.
- Baginda adalah pewaris takhta kerajaan Maurya yang ketiga.
- Asoka bukan sahaja mengukir nama dalam bidang perluasan kuasa, malah dalam bidang-bidang lain.

Isi

-Kegemilangan empayar Maurya berada di puncak ketika pemerintahan Asoka. Kejayaan dasar perluasan Asoka tidak dapat ditandingi oleh mana-mana pemerintah India. Empayar Maurya semasa pemerintahan Asoka mengalami perkembangan pesat apabila keamanan dapat diwujudkan hingga membolehkan berlakunya kemajuan dalam pelbagai bidang termasuklah kewujudan satu sistem pentadbiran yang bercorak birokrasi yang berkesan.

-Sungguhpun dikatakan tidak ada banyak bezanya pentadbiran Asoka dengan datuknya, Chandragupta, namun Asoka menegaskan prinsip kerajaannya yang mengutamakan kebajikan dan keselamatan rakyatnya. Hal ini ditegaskan dalam salah satu titah perintah di Kalinga yang menyatakan :

“ All men are my children, and just as I desire for my children that they may enjoy every kind of prosperity and happiness both in this world and in the next, so also do I desire the same for all men”.

- Perubahan yang berlaku itu ada kaitan langsung dengan aktiviti penaklukan yang dilakukan ke atas sebuah kerajaan kecil di selatan iaitu Kalinga (sekarang Orissa). Kalinga dikatakan mempunyai tanah yang subur ini tidak mahu tunduk dengan kekuasaan Maurya.. Ekspedisi ketenteraan ke Kalinga diketuai sendiri oleh Asoka. Biarpun mencapai kemenangan dalam peperangan ini, namun peperangan ini telah mengorbankan 100, 000 orang dan lebih 150, 000 lagi tentera ditawan. Angka ini merujuk kepada tentera musuh sahaja, tidak termasuk kecederaan di pihak Maurya.

-Mubaligh-mubaligh agama Buddha dihantar ke kebanyakan bahagian di India dan luar negara seperti ke Sri Lanka, Syria, Mesir dan Greece. Puteranya, Mahendra dan puterinya Sanghamitra dihantar ke Sri Lanka untuk menyebarkan agama Buddha..

- Asoka turut menjadi sami Buddha dan menjadi ahli Pertubuhan Sami-sami Buddha, Sanga, satu keputusan yang harus dipuji kerana baginda sanggup menjadi ahli dalam pertubuhan yang dipimpin oleh rakyatnya.
- Baginda turut menunjukkan sikap toleransi agama apabila memberi bantuan dan derma kepada golongan Brahman, penganut Hindu dan penganut agama Jaina. Melihatkan perkembangan ini, Rudolf Hoernle dan Herbert A. Stark merumuskan bahawa salah satu peristiwa penting dalam empayar Maurya ialah perkembangan dua agama ternama iaitu Buddha dan Jainism.
- Beberapa pembaharuan telah dilakukan oleh Asoka untuk memantapkan sistem pemerintahannya. Pertama, Asoka telah mewujudkan jawatan pegawai-pegawai khas (Dharma Mahamatra atau Dhamma-Mahamatas) yang ditugaskan untuk menyebarkan *dharma* di kalangan rakyatnya.
- Mereka juga bertanggungjawab mengawasi perkembangan dan menjaga kebajikan agama-agama lain selain agama Buddha. Pegawai-pegawai ini juga diminta meneliti kes-kes yang boleh diringankan hukuman.
- Baginda juga dikatakan merupakan pemerintah pertama yang berjaya berhubung terus dengan rakyatnya melalui dikri atau titah perintahnya. Titah perintah yang diukir pada batu, tiang-tiang dan gua mengandungi idea dan pandangan pemerintah teragung Maurya itu tentang agama, pemerintahan dan tingkahlaku rakyat yang dikehendaki. Titah perintahnya itu bertujuan untuk menyebarkan *dharma* di kalangan rakyat.
- Asoka turut memberi sumbangan dalam bidang seni bina. Baginda dikatakan menjadi pengasas dua buah bandar iaitu Srinaga di Kashmir dan Lalitapatan di Nepal. Baginda juga membina monastri dan kediaman untuk sami-sami Buddha.
- Dalam bidang sosial, Asoka turut dikenang sebagai pemerintah yang berjiwa rakyat kerana menyediakan pelbagai kemudahan kepada rakyat. Antaranya termasuklah menubuhkan Jabatan Orang Asli yang pertama di dunia, mendirikan rumah perlindungan kepada wanita teraniaya khususnya di kalangan balu, mendirikan rumah orang cacat dan rumah anak yatim piatu, membina hospital haiwan, mengusahakan projek simpanan makanan untuk membantu mangsa-mangsa bencana alam dan mewujudkan institusi pendidikan tinggi seperti Universiti Nalanda yang dianggap universiti tertua di dunia. Rumah-rumah rehat pula dibina, perigi digali dan pokok-pokok ditanam di sepanjang jalan raya.
- Buat pertama kalinya dalam pemerintahan empayar Maurya, kerajaan membuka petempatan-petempatan baru bagi mengatasi masalah kepadatan penduduk di bandar-bandar utama.
- Selepas Perang Kalinga, lebih 150 000 penduduk miskin kebanyakan dari golongan Sudra dipindahkan. Mereka juga dibekalkan dengan binatang ternakan, baja dan wang untuk keperluan di tempat baru.
- Jalan-jalan raya dibina untuk memudahkan sistem perdagangan dijalankan dengan lebih baik di seluruh empayarnya. Asoka masih mengekalkan hubungan perdagangan dan diplomatik dengan Syria, Mesir, Makedonia dan Cyrene di Afrika Utara.
- India mengeksport rempah, batu permata bermutu, minyak wangi, sutera dan gading kepada kerajaan-kerajaan tersebut. Barang-barang yang diimport dari kawasan berkenaan pula termasuklah kain putih (linen), bekas kaca, besi bermutu, dan herba perubatan.

Kesimpulan

-Pencapaian Asoka dalam pelbagai bidang jelas membuktikan bahawa baginda adalah tokoh terbilang yang pernah dilahirkan oleh India.

-Dalam bidang perluasan wilayah, nama Asoka boleh diletakkan sebaris dengan Alaxender The Great dari Yunani, Julius Caesar dari Rom dan Shih Huang Ti dari China.

Soalan 4

Berdasarkan contoh-contoh yang sesuai huraikan peranan raja dalam tamadun awal.

Ulasan soalan

Calon diminta menghuraikan peranan raja dalam tamadun awal. Lazimnya raja mengamalkan sistem pemerintahan autokratik.

Pengenalan

-Pemerintahan tamadun-tamadun awal kebanyakannya mengamalkan sistem pemerintahan beraja.

-Raja bukan sahaja berperanan dalam bidang pemerintahan malah turut berperanan dalam bidang-bidang lain seperti bidang agama, ekonomi, keadilan dan sebagainya.

Isi

-Salah satu ciri ketara sistem pemerintahan beraja ialah raja berkuasa mutlak. Hal ini bermakna tiada pengasingan kuasa dalam bidang perundangan, eksekutif dan kehakiman. Raja menguasai ketiga-tiga badan berkenaan. Seseorang pemimpin atau raja selalunya menggunakan unsure magis dan mendakwa dirinya sebagai wakil Tuhan demi mendapatkan pengiktirafan sebagai ketua pemerintah. Tidak hairanlah ada di kalangan raja yang dianggap menjalankan fungsi Tuhan di muka bumi menyebabkan rakyat memberi taat setia yang tidak berbelah bagi kepada raja.

-Raja menerajui sistem pemerintahan. Raja dibantu oleh golongan bangsawan untuk menjalankan pentadbiran negara. Di peringkat tertinggi biasanya saudara-mara dan anggota keluarga raja dilantik memegang jawatan-jawatan utama. Perlantikan ini dilakukan kerana dipercayai bahawa mereka yang mempunyai pertalian darah dengan raja memiliki kewibawaan untuk memerintah. Justeru, jawatan-jawatan penting diwarisi secara turun temurun oleh sesebuah keluarga diraja. Raja Dinasti Chou misalnya dibantu oleh ketua menteri dan enam badan yang menguruskan soal pertanian, tentera, kerja awam, agama, hal ehwal monarki dan undang-undang. Pentadbiran di peringkat wilayah dikendalikan oleh pembesar-pembesar feodal..

-Raja juga bertindak sebagai ketua agama. Kawalan terhadap bidang agama adalah penting untuk mengukuhkan kedudukan seseorang raja. Salah satu tugas suci seseorang raja di Mesopotamia ialah membina dan memelihara rumah ibadat. Tugas ini dilakukan selaras dengan kepercayaan bahawa manusia dicipta untuk berkhidmat dengan Tuhan. Raja juga merupakan *chief priest* dan memainkan peranan aktif dalam perayaan keagamaan seperti Sambutan Perayaan Tahun Baru. Raja di Mesopotamia juga berkuasa melantik ahli keluarga diraja untuk memegang jawatan di ziggurat serta bentuk pentadbirannya. Hal ini adalah kerana ziggurat berfungsi sebagai pusat ibadat, pusat perdagangan dan pusat penyimpanan khazanah negara.

-Raja juga bertindak sebagai ketua panglima tentera. Sungguhpun raja akan dinasihati oleh jeneral tentera tetapi sesuatu keputusan muktamad akan dibuat oleh raja seperti di Mesir dan Mesopotamia. Di Mesir, Firaun menjadi komander agung dalam tentera. Baginda dibantu oleh seorang timbalan yang terdiri daripada Putera Mahkota. Dalam tamadun India, raja mengetuai sendiri ekspedisi peperangan seperti yang dilakukan oleh Chandragupta dan Asoka.

-Raja juga bertindak sebagai badan penggubal undang-undang. Dalam tamadun India, Asoka telah telah menggubal undang-undang dan undang-undang tersebut di pahat di tiang-tiang baian untuk ditatap dan dijadikan rujukan oleh orang awam.

-Di dalam bidang kehakiman, raja adalah ketua hakim. Segala kes rayuan akan dibawa kepada raja yang mempunyai kuasa untuk memberi pengampunan kepada orang yang bersalah. Di Mesir, hanya firaun sahaja yang boleh menjatuhkan hukuman mati terhadap kesalahan-kesalahan yang berat.

-Raja juga harus melantik seorang pengganti untuk meneruskan pemerintahan selepas kemangkatan baginda. Lazimnya raja-raja akan melantik putera mereka sebagai pengganti takhta kerajaan. Calon-calon yang dipilih harus mendapat sokongan anggota keluarga diraja, pegawai istana dan golongan bangsawan.

-Tugas-tugas lain seseorang raja ialah melantik pembesar, menerima aduan daripada rakyat dan menyelesaikannya, menerima kunjungan diplomat-diplomat dan sebagainya.

Kesimpulan

-Raja bukan sekadar menjadi pemerintah tetapi juga bertindak sebagai ketua agama, pemimpin tentera, penggubal undang-undang, menjadi hakim dan sebagainya.

Soalan 5

Bincangkan bentuk pemerintahan Republik di Rom.

Ulasan soalan

Calon diminta menghuraikan bentuk pemerintahan republik Rom khususnya institusi-institusi yang terlibat dalam pentadbiran Rom.

Pengenalan

-Idea tentang pemerintahan republik telah diutarakan oleh Plato dalam bukunya *Republic* yang mengemukakan tentang struktur kerajaan yang paling ideal bagi sesebuah kerajaan. Bagaimanapun ideanya itu tidak sambutan di Yunani.

-Dalam bahasa Latin, *res publica* bermakna hal rakyat, merupakan satu bentuk kerajaan yang ketuanya bukan seorang raja.

-Pemerintahan Rom bermula dengan pemerintahan beraja dari tahun 753 S.M. lagi. Pada masa itu Rom diperintah oleh raja-raja berketurunan Etruscan yang bukan berasal daripada penduduk tempatan. Oleh itu rakyat Rom yang terdiri daripada golongan bangsawan (patrician) telah bangun memberontak dan kemudiannya membentuk sebuah republik pada tahun 509 S.M.

Isi

- Terdapat tiga unsur utama dalam sistem pemerintahan republik Rom. Unsur-unsur tersebut ialah konsul, Dewan Senat dan Dewan Perhimpunan.
- Pemerintahan republik Rom diketuai oleh dua orang konsul yang akan memegang jawatan dalam tempoh setahun. Konsul dipilih oleh golongan bangsawan di kalangan mereka yang berumur melebihi 40 tahun.Terdapat dua orang konsul yang dilantik dalam satu-satu masa bertujuan mengelakkan salah seorang daripada konsul menyalahgunakan kuasa atau melakukan penyelewengan.
- Dengan adanya dua orang konsul, maka setiap keputusan perlu diputuskan dengan persetujuan daripada kedua-dua konsul. Keadaan ini membawa maksud tiada pemerintah yang mempunyai kuasa mutlak.
- Konsul mempunyai banyak kuasa dan bertanggungjawab dalam mengetuai tentera, menjaga keadilan, menguruskan kewangan, mengetahui hal-hal berkaitan agama dan bertindak sebagai hakim.
- Bagaimanapun sewaktu dalam kecemasan atau peperangan, orang Rom akan melantik seorang dictator untuk membuat sesuatu keputusan. Tempoh perlantikannya ialah selama enam bulan.
- Konsul dibantu oleh sebuah majlis yang dianggotai oleh golongan bangsawan dan majlis ini dikenali sebagai Senat. Bilangan ahlinya menjangkau 300 orang
- Anggota Dewan Senat digelar sebagai Senator dan biasanya mereka berpengalaman luas dalam bidang pentadbiran. antara tugas Dewan Senat termasuklah merangka undang-undang, menasihati konsul, menguruskan soal kewangan dan cukai, menetapkan wilayah-wilayah yang akan diurus oleh konsul, menyelesaikan krisis agama dan berunding dengan duta-duta asing.
- Di bawah Dewan Senat, terdapat Dewan Perhimpunan yang dianggotai oleh semua rakyat Rom. Dalam dewan ini, semua rakyat Rom berkumpul dan mendengar laporan tentang perkara yang dibincangkan dalam Dewan Senat.
- Tugas Dewan Perhimpunan adalah terhad iaitu mendengar laporan dan mengesahkan undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Senat. Menjelang tahun 451 S.M., golongan rakyat (plebian) telah mendesak supaya mereka diberi hak dalam bidang pentadbiran dan perundangan. Hal ini membawa kepada penubuhan Tribunal dan Undang-undang Papan 12 Rom. Menurut undang-undang ini, semua orang adalah sama di sisi undang-undang.
- Sistem republic di Rom telah berubah apabila Rom mencapai taraf empayar di bawah pemerintahan Julius Caesar yang melakukan dasar perluasan empayar. Beliau telah menamatkan sistem republik dan menjadi diktator dan memerintah Rom selama lima tahun

Kesimpulan

- Sistem pemerintahan republik Rom memberi kesan yang mendalam kepada negara-negara Eropah khususnya. Dari masa semasa ke semasa sistem republic Rom ditiru dan diubahsuai mengikut keadaan sesebuah kerajaan dan keperluan semasa.
- Sehingga kini kebanyakan negara di dunia mengamalkan sistem republik.

Soalan 6

Huraikan faktor-faktor kemunculan negara bangsa di Eropah dan jelaskan pembentukan negara bangsa di Sepanyol dan Perancis.

.

Ulasan soalan

Calon diminta menghuraikan faktor-faktor yang membawa kepada kemunculan negara bangsa di Eropah dan pengasasan Negara bangsa di Sepanyol dan Perancis.

Pengenalan

- Negara bangsa merujuk kepada sebuah negara yang bebas daripada konsep empayar dan mempunyai pemerintahan sendiri, bahasa kebangsaan, sempadan wilayah dan hak untuk menggubal undang-undang sendiri.
- Negara bangsa di Eropah terbentuk melalui kemunculan dinasti, keluarga baru dan perkahwinan diraja.
- Antara Negara awal di Eropah ialah England, Perancis, Sepanyol dan Portugal.

Faktor-faktor kemunculan negara bangsa

- Kerosotan sistem feodal. Golongan bangsawan mempunyai pengaruh dalam sistem feodal. Lama kelamaan pengaruh mereka merosot menyebabkan raja tidak lagi bergantung kepada mereka. Raja boleh berhubung terus dengan rakyat. Perubahan ini telah menyebabkan rakyat mula memberi taat setia kepada raja dan tidak lagi kepada golongan bangsawan. Raja Henry VII di England telah menggubal undang-undang baru yang melarang golongan feodal memakai pakaian khas dan melarang penubuhan tentera sendiri, larangan memiliki lambing kuasa khas dan sebagainya.
- Pemberian anugerah dan gelaran kepada golongan bangsawan. Walaupun pengaruh golongan bangsawan semakin berkurangan tetapi raja masih merasa sangsi dengan golongan bangsawan. Justeru untuk mendapat sokongan golongan bangsawan, raja telah memberi anugerah kepada golongan seperti Duke, Earl, Baron dan Count. Ini membolehkan raja mengukuhkan kuasa mereka sehingga melahirkan sebuah Negara bangsa.
- Bahasa kebangsaan. Penciptaan mesin cetak pada zaman Renaissance telah memesatkan lagi bidang penulisan di kalangan cerdik pandai. Karya dicetak dalam bahasa kebangsaan dan berjaya menyatukan rakyat.
- Perkembangan dalam bidang perdagangan dan perindustrian. Para pedagang dan pengusaha memerlukan perlindungan daripada sebuah kerajaan yang kuat dan berkesan. Golongan ini sanggup membayar cukai dan menyokong sesiapa sahaja yang boleh memenuhi kehendak mereka. Ada di kalangan raja yang berjaya mengumpulkan banyak wang melalui dasar percukaian. Hal ini membolehkan raja menggaji tentera dan pegawai perkhidmatan awam untuk memberi perlindungan kepada golongan peniaga dan pengusaha.
- Sokongan kelas menengah dan golongan gereja. Raja telah memberi kebebasan bersuara dan mewujudkan bahasa kebangsaan di peringkat pusat kepada golongan menengah. Golongan ini berpuas hati. Raja juga memberi peluang kepada golongan rakyat untuk memilih pemimpin gereja. Langkah yang diambil ini berjaya mengatasi persaingan golongan gereja di samping mendapat taat setia daripada golongan rakyat biasa dan golongan cendekiawan.
- Bermulanya Zaman Renaissance. Zaman ini berlaku ekoran pertembungan kebudayaan Yunani dengan tamadun Islam. Pertembungan ini menyebabkan orang Eropah mula mempersoalkan budaya lama mereka dan ingin sesuatu yang baru baru. Pembaharuan

yang dibawa oleh raja dalam bidang pentadbiran telah mendapat sokongan daripada rakyat.

-Kedaulatan parlimen. Rakyat dan golongan pertengahan boleh menentukan daar pemerintahan yang dijalankan oleh raja. Kemunculan Negara bangsa menyebabkan golongan feudal dan agama telah kehilangan kuasa tradisi mereka.

Pembentukan Negara bangsa di Sepanyol

-Dibentuk melalui perkahwinan Ferdinand dari Aragon dan Isabella dari Castile. Dewan Parlimen Sepanyol atas desakan raja telah mengarahkan golongan feudal menyerahkan tanah yang dirampas daripada raja. Golongan bangsawan tidak dibenarkan membina istana untuk kepentingan peribadi. Raja telah melantik pemimpin agama yang sebelum ini dilantik oleh Pope Rom.

-Penyatuan menjadi lengkap apabila penganut Islam dipaksa meninggalkan Sepanyol selepas kejatuhan Granada pada tahun 1498M. Pada tahun 1502, bermula sejarah Sepanyol dengan raj kebangsaan beragama Katolik.

Pembentukan Negara bangsa Sepanyol

-Di Perancis, monarki kebangsaan diwakili oleh Raja Lois XI daripada keluarga Valois. Baginda membina pasukan tentera diraja, menjinakkan golongan bangsawan yang memberontak. Golongan Jeneral Perancis hanya bertemu sekali sahaja dalam zaman pemerintahannya. Ahli-ahli dewan itu pula bersetuju raja memerintah tanpa campur tangan mereka. Monarki Perancis juga meluaskan kekuasaan mereka ke atas gereja. Pope menerima pendapatan daripada badan gereja Perancis. Raja melantik pemimpin agama. Dengan ini raja dapat mengawal kuasa gereja.

Kesimpulan

-Perkembangan yang berlaku di Eropah pada akhir Zaman Pertengahan mempengaruhi pembentukan dan perkembangan beberapa Negara bangsa di Eropah menjelang abad ke-15.

Soalan 7

Bandingkan sistem pemerintahan negara kota Rom dan Madinah.

Ulasan soalan

Calon diminta membuat perbandingan system pemerintahan kedua-dua negara kota ini dalam beberapa aspek.

Pengenalan

Selepas menggulingkan raja-raja Etruscan yang zalim, pemerintahan beraja negara kota Rom digantikan dengan sistem pemerintahan republik.

-Sistem pemerintahan kota Madinah diasaskan oleh Nabi Muhammad s.a.w. selepas berlakunya peristiwa hijrah.

Perbandingan kedua-dua negara kota

-Kedua-dua negara kota mempunyai sistem pemerintahan yang sistematik dan berkesan. Kota Madinah mengamalkan sistem berbentuk teokrasi dan mengamalkan sistem demokrasi Islam. Rom pula mengamalkan sistem republik.

-Sistem pemerintahan kota Madinah mempunyai institusi yang dikenali sebagai Majlis Syura. Majlis ini diketuai oleh Nabi Muhammad s.a.w. dan para sahabatnya. Anggota majlis ini tidak dilantik berdasarkan kedudukan atau keturunan tetapi berdasarkan pengetahuan dalam bidang agama.

-Institusi utama pemerintahan Rom ialah Dewan Senat dan Dewan Perhimpunan. Dewan Senat dianggotai oleh golongan bangsawan yang kaya dan mereka digelar senator. Dewan Senat berfungsi melantik ketua negara, menggubal undang-undang dan melaksanakan pentadbiran negara kota. Dewan Perhimpunan dianggotai oleh semua rakyat tetapi mempunyai kuasa terhadap kerana terpaksa mengikuti arahan Konsul dan Dewan Senat.

-Ketua pemerintah negara kota Rom ialah dua orang Konsul yang dilantik oleh Dewan Senat. Perlantikan dua orang Konsul dapat mengimbangi kuasa antara kedua-duanya supaya penyelewengan dapat dikawal.

-Dalam pentadbiran negara kota Madinah, terdapat hanya seorang pemimpin tertinggi iaitu Nabi Muhammad s.a.w. sendiri. Baginda bertindak sebagai ketua negara, ketua agama, ketua hakim, ketua tentera dan pemimpin masyarakat. Dalam membuat sesuatu keputusan, baginda akan merujuk kepada Majlis Syura.

-Kuasa dalam bidang agama dalam tamadun Rom terletak di bawah kuasa gereja yang dikendalikan oleh Paus. Perkara-perkara yang berkaitan dengan pentadbiran pula dibincangkan di Forum dan Dewan Colosseum. Di kota Madinah, masjid menjadi institusi terpenting bukan sahaja sebagai pusat membuat keputusan dalam pemerintahan, malah turut menjadi pusat kebudayaan, pertemuan umat Islam dan menyelesaikan sebarang masalah. Masjid yang dimaksudkan ialah Masjid Nabawi. Hal ini menunjukkan bahawa dalam pemerintahan di kota Madinah, agama dan politik tidak dipisahkan.

-Kedua-dua negara kota mempunyai sistem undang-undang tersendiri. Sistem perundangan Rom dikenali sebagai Undang-Undang Papan Dua Belas yang diletakkan di tempat awam. Di Madinah, Nabi Muhammad s.a.w. menggubal Perlembagaan Madinah yang telah menyatukan penduduk tempatan yang terdiri daripada pelbagai kaum.

-Dari segi keadilan sosial, pemerintah kedua-dua negara kota memberi perhatian terhadap soal ini agar tidak terdapat jurang sosial yang ketara. Pemerintah Rom cuba menghapuskan amalan hamba berhutang dengan meluluskan undang-undang khas. Nabi Muhammad s.a.w. pula mengharamkan amalan perhambaan. Baginda menyeru para sahabat supaya membeli dan membebaskan hamba. Baginda juga telah memansuhkan kedudukan seseorang berdasarkan keturunan dan warna kulit. Kedudukan wanita juga disamakan dengan kaum lelaki.

Kesimpulan

- Pentadbiran kedua-dua negara kota memperkenalkan sistem pemerintahan dan pentadbiran yang dikagumi sehingga hari ini.
- Terdapat batas-batas tertentu yang menyekat seseorang pemerintah tertinggi di Rom untuk melakukan sesuatu yang menyimpang daripada kehendak kemahuan majoriti rakyat.

Contoh jawapan lengkap

Jelaskan faktor-faktor yang membawa kepada perkembangan empayar Srivijaya dan Majapahit di Alam Melayu.

Ulasan soalan

Calon diminta mengenengahkan factor-faktor yang membawa kepada perkembangan kedua-dua empayar di Alam Melayu ini.

Empayar Srivijaya diasaskan oleh Dapunta Hiyam dan berkembang dari abad ke-7 Masihi hingga abad ke-13 Masihi. Empayar Majapahit pula diasaskan oleh Raden Wijaya dan berkembang pada akhir abad ke-13 Masihi hingga abad ke-16 Masihi. Kedua-dua empayar ini berjaya muncul sebagai kuasa yang kuat di Alam Melayu setelah berjaya menguasai laluan perdagangan utama di rantau ini.

Terdapat beberapa faktor yang membawa kepada kemunculan kedua-dua empayar ini. Dasar perluasan kuasa yang dijalankan menambahkan kekayaan kedua-dua buah empayar ini. Kerajaan Srivijaya yang berpusat di Palembang berjaya menawan kerajaan-kerajaan berhampiran seperti Jambi, Kedah dan Ligor. Penguasaan pelabuhan-pelabuhan ini membolehkannya mengawal perdagangan antarabangsa antara China dan India. Begitu juga Majapahit yang berjaya menguasai Pulau Bali, sebahagian Pulau Borneo, Temasik, Pahang dan Ligor. Majapahit menjadi kaya hasil daripada cukai yang dikutip dari tanah jajahannya.

Kekayaan barang dagangannya juga berjaya menarik pedagang untuk berdagang di pelabuhan-pelabuhan kedua-dua buah empayar ini. Srivijaya misalnya berfungsi sebagai pelabuhan entrepot. Kepelbagaian jenis barangan khususnya yang diperolehi daripada tanah jajahan menjadikan pelabuhan-pelabuhan mereka sibuk dengan aktiviti perdagangan antarabangsa. Antara barangan yang didapati termasuklah rempah, damar,

wangian, emas, perak, agar-agar laut, garam dan cendana. Kulit kerang dan kulit kura-kura mendapat permintaan yang tinggi di Asia Barat dan China.

Sistem pentadbiran yang bersistematik turut membantu perkembangan kedua-dua empayar ini. Terdapat tiga bahagian dalam pentadbiran di Srivijaya iaitu pentadbiran beraja, pentadbiran ketenteraan dan pentadbiran daerah. Pentadbiran beraja berkaitan dengan pentadbiran pusat seperti halehwal raja, denda dan hukuman, bidang kehakiman dan pengutipan cukai. Pentadbiran ketenteraan diketuai oleh seorang panglima tentera yang dikenali sebagai Pratisava. Pentadbira daerah pula diketuai oleh datu. Tugasnya ialah bertanggungjawab tentang tanah, kebajikan penduduk, menanam kesetiaan kepada raja dan mengenakan hukuman kepada penentang kerajaan. Buku Nagarakertagama memberi maklumat tentang pentadbiran kerajaan Majapahit yang terdiri daripada tiga unit pentadbiran iaitu pentadbiran pusat, pentadbiran Majapahit tulen dan kawasan jajahan takluk. Raja berkuasa mutlak tetapi dinasihati oleh sebuah Majlis Penasihat.

Kedudukan kerajaan-kerajaan ini strategik khususnya kerajaan Srivijaya yang terletak di kawasan pertemuan Laut China Selatan, Selat Melaka dan Selat Sunda menyebabkannya menjadi pelabuhan persinggahan bagi pedagang-pedagang yang ingin ke China dan India. Begitu juga dengan kerajaan Majapahit yang terletak antara Laut Jawa dan Lautan Hindi telah menjadi tumpuan para pedagang sewaktu zaman kegemilangannya.

Kewibawaan pemimpin juga mampu megangkat sesebuah kerajaannya berada di puncak kegemilangan. Hayam Wuruk dan perdana menteri, Patih Gajah Mada sama-sama bertanggungjawab membangunkan Majapahit khususnya melakukan pembaharuan dalam aspek pemerintahan dan melaksanakan dasar perluasan kuasa. Hayam Wuruk misalnya sering melakukan lawatan ke jajahan takluk untuk menemui rakyat jelata. Menteri serta pegawai dari wilayah, daerah, kampung dan negeri dikehendaki menghadiri persidangan yang dianjurkan oleh baginda.

Melalui hubungan diplomatik, kedua-dua kerajaan ini dapat mewujudkan keamanan dan menambahkan pendapatan melalui kegiatan perdagangan. Hubungan kedua-dua buah kerajaan ini dengan China membawa kemakmuran ekonomi dan mewujudkan keamanan di seluruh empayar mereka. Persahabatan yang dijalin dengan China menyebabkan musuh-musuh Srivijaya dan Majapahit gentar untuk melancarkan serangan kerana bimbang bantuan ketenteraan dari China .

Perkembangan bidang kesusasteraan, bahasa dan kesenian turut membantu menjadikan kedua-dua empayar ini muncul sebagai kuasa politik dan ekonomi serantau. Dengan kekayaan yang dimiliki, raja membina kuil dan yayasan agama. Seorang sarjana China, I-Ching yang pernah mengunjungi Srivijaya mencatatkan bahawa terdapat lebih 1000 sami Buddha menuntut bahasa Sanskrit di Srivijaya sebelum berlepas mendalami agama Buddha di India. Seorang penulis iaitu Prapanca telah mengharumkan kerajaan Majapahit dengan menghasilkan buku Nagarakertagama, sebuah karya sejarah.

Empayar Srivijaya dan Majapahit pernah muncul sebagai empayar Melayu yang disegani. Kemerosotan empayar Srivijaya pada abad ke-12 kerana jajahan takluk membebaskan diri daripada pemerintahan pusat di samping serangan Raja Chola dari India Selatan ke atas Srivijaya. Kejatuhan empayar Srivijaya diambil alih oleh kerajaan Majapahit. Bagaimanapun, empayar Majapahit merosot apabila Hayam Wuruk dan Patih Gajah mada meninggal dunia di samping pengaruh Islam yang mula menular di Alam Melayu.

Soalan 2 STPM 2003

Sejauh manakah penubuhan negara bangsa mempengaruhi kedudukan dan kekuasaan pemerintahan beraja di England dan di Perancis?

Calon dikehendaki menyatakan sejauh manakah penubuhan Negara bangsa mempengaruhi kedudukan dan kekuasaan pemerintahan beraja di England dan Perancis. Pengenalan

- Monarki di England bermula dengan kemunculan Dinasti Tudor apabila Hendry VII menaiki takhta.
- Di Perancis, Monarki Kebangsaan diasakan oleh Louis XI daripada keluarga Volois.
- Menjelang akhir zaman Gelap, sistem feodal mengalami kemerosotan kerana tidak dapat menjamin kestabilan politik.

Penubuhan Negara Bangsa

- Golongan profesional dan peniaga memberi sumbangan dalam bentuk wang kepada raja untuk melemahkan pengaruh golongan bangsawan dan geraja. Keadaan ini berlaku kerana golongan pedagang memerlukan bantuan golongan monarki untuk melindungi kepentingan perdagangan mereka.
- Di England, Hendry VII telah memusatkan kuasa raja. Baginda menggunakan Majlis Diraja sebagai badan keadilan baru yang berperanan menyekat pengaruh golongan bangsawan.
- Di Perancis, Louis XI telah melantik pegawai memungut cukai dan memberi pampasan kepada golongan bangsawan.
- Louis XI juga telah menandatangani perjanjian dengan Pope yang mensyaratkan perlantikan bishop dan ketua biara ditentukan oleh raja.
- Pemerintahan beraja di Perancis berjaya mewujudkan sistem pemerintahan raja berkuasa mutlak. Sistem beraja menguasai pengurusan kewangan negara, sistem cukai, tentera dan institusi gereja.
- Bagaimanapun, Parlimen England telah meluluskan undang-undang bagi membataskan kuasa raja yang akhirnya membentuk sistem pemerintahan raja berperlembagaan. Raja tidak boleh mengenakan cukai tanpa kelulusan parlimen.
- Mary II dan suaminya William of Orange berjaya mengambil alih takhta dengan kekuatan tentera. Perancis juga mempunyai pasukan tentera yang besar, lengkap dan cekap sehingga dapat melakukan dasar perluasan kuasa.
- Pengukuhan kekuasaan pemerintahan monarki di England dan Perancis juga disebabkan aktiviti penjelajahan dan penerokaan yang dilakukan pada kurun ke-17 dan 18 Masihi.

Raja Hendry VII telah menaja penjelajahan John Cabot ke New Foundland, manakala Perancis berjaya menempatkan koloni mereka di Montreal dan Quebec.

Kesimpulan

-Kerosotan sistem feudal menandakan bermulanya era pemerintahan monarki kebangsaan di kedua-dua negara Eropah ini. Bagaimanapun, akhirnya penguasaan raja terhadap institusi-institusi pemerintahan negara tidak berterusan apabila parlimen berjaya membatasi kuasa mutlak raja.

Soalan 8 STPM 2002

Bandingkan sistem pemerintahan empayar Rom pada zaman Octavius Augustus dengan sistem pemerintahan empayar Abbasiyah sehingga pemerintahan Khalifah Harun al-Rasyid.

Calon dikehendaki membandingkan system pemerintahan kedua-kedua kerajaan dalam tempoh yang dinyatakan. Perlu diingat kedua-dua kerajaan ini telah mencapai taraf empayar.

Pengenalan

-Augustus memerintah Rom dari tahun 27 SM sehingga 14 S.M. Pemerintahannya berjaya membawa keamanan dan keagungan kepada empayar Rom, Keamanan yang wujud pada zaman Augustus kekal selama 200 tahun dan dikenali sebagai Pax Romana.
-Zaman kegemilangan Islam di Timur Tengah berlaku semasa pemerintahan kerajaan Abbasiyah, yang diasaskan pada tahun 750 M sehingga tahun 1258 M. Zaman keemasan kerajaan ini berlangsung semasa pemerintahan Khalifah Harun al-Rasyid.

Isi

Sistem kerajaan

-Pemerintahan kerajaan Rom berbentuk kerajaan imperial. Octavius Augustus menggunakan prinsip pemusatan kuasa politik dan tentera di tangan seorang pemerintah iaitu sistem monarki. Beliau mengamalkan pemerintahan berkuasa mutlak.
-Augustus berpendapat bahawa sistem republik tidak sesuai bagi kerajaan empayar kerana empayar mempunyai penduduk berbilang bangsa, agama, bahasa dan budaya
-Pemerintahan republik boleh membawa persaingan dalam bidang politik dan perang saudara.
-Khalifah mempunyai kuasa tertinggi dalam struktur kerajaan Bani Abbasiyah. Khalifah mempunyai kuasa mutlak. Khalifah dibantu oleh wazir yang bertanggungjawab dalam urusan pentadbiran negara.

Sistem birokrasi

-Sistem birokrasi dibentuk untuk mengatasi masalah masalah yang wujud dalam bidang pentadbiran. Pegawai-pegawai yang tetap dan profesional dilantik dan bertanggungjawab kepada Augustus.

- Pegawai-pegawai ini terdiri daripada golongan atasan yang pernah menguasai Dewan Senat semasa kerajaan republik
- Kerajaan bani Abbasiyyah juga menubuhkan sistem birokrasi yang bersistematik. Antara jabatan yang dibentuk ialah jabatan Akaun, Jabatan Kewangan dan Jabatan Penimbang Rayuan.
- Wazir merupakan ketua jentera pentadbiran. Ketua-ketua jabatan merupakan ahli kepada sebuah majlis yang dipengerusikan oleh Wazir..

Pentadbiran wilayah

- Augustus membahagikan empayarnya kepada empat wilayah manakala kerajaan Abbasiyyah turut mewujudkan pentadbiran wilayah yang diterajui oleh gabenor dengan dibantu oleh pegawai Baitulmal, pegawai pos dan kadi.

Sosial

- Rakyat telah disatukan walaupun di bawah satu pemerintahan walaupun Rom mempunyai penduduk berbilang bangsa. Pelaksanaan undang-undang turut membawa kepada keharmonian masyarakat.
- Melalui agama Islam, Khalifah Abbasiyyah berjaya menyatukan rakyat pelbagai bangsa. Khalifah turut menjadi penaung kepada perkembangan ilmu.

Kesimpulan

- Kedua-dua kerajaan mengamalkan sistem pemerintahan berpusat dan mempunyai sistem birokrasi yang berkesan.
- Rom dikenang kerana sistem republik dan kerajaan Abbasiyyah terkenal kerana pencapaian dalam bidang ilmu pengetahuan.

Soalan 2 STPM 2004

Dengan memberikan contoh-contoh yang sesuai daripada tamadun manusia, huraikan ciri-ciri utama system pemerintahan empayar.

Ulasan

Calon-calon dikehendaki menghuraikan ciri-ciri pemerintahan empayar. Bagaimanapun jawapan tanpa mengemukakan contoh yang sesuai tidak akan mendapat markah yang baik.

Pengenalan

- Terdapat dua jenis empayar yang utama iaitu empayar daratan yang berdasarkan penguasaan tanah yang luas dan empayar maritim yang bergantung kepada penguasaan laut dan pelabuhan-pelabuhan strategik.
- Empayar adalah sebuah kerajaan yang tertinggi dan berdaulat yang menguasai wilayah-wilayah, negeri atau daerah yang luas. Biasanya sesebuah empayar diperintah oleh seorang pemimpin yang berwibawa yang bergelar maharaja.
- Penduduknya pula merentasi aspek ras, agama dan budaya.

Isi

- Pemerintah sesebuah empayar biasanya mentadbir wilayah yang ditakluknya dengan menggunakan kekuasaan tentera. Tentera digerakkan untuk mengekalkan keamanan dan memastikan pemberontakan dapat dielakkan.

- Biasanya berlaku pemusatan kuasa kerajaan pusat bagi sesebuah empayar. Hal ini berlaku selaras dengan pembahagian masyarakat kepada dua kategori iaitu golongan yang berkuasa dan golongan yang ditakluki. Golongan yang berkuasa tinggal di ibu kota manakala pemerintah di peringkat wilayah biasanya terdiri daripada wakil dari ibu kota yang dibantu oleh pemimpin-pemimpin tempatan.
- Wujudnya sistem birokrasi kerana pentadbiran menjadi lebih kompleks ekoran dasar perluasan wilayah.
- Wujud juga sistem naungan ekonomi yang menyebabkan wilayah-wilayah berhampiran membayar ufti atau menyerahkan sebahagian daripada hasil kepada pemerintah atau maharaja.
- Hampir kesemua empayar bercita-cita menyatukan empayarnya dengan kebudayaan yang diamalkan oleh pihak pemerintah. Empayar Alexander The Great misalnya cuba menyebarkan kebudayaan Hellenistik yang menyatukan budaya Yunani dan Parsi dengan mewujudkan beberapa pusat bandar untuk menyebarkan kebudayaan tersebut.
- Penduduk yang tinggal dalam empayar biasanya bersedia menerima pemerintahan sesebuah empayar kerana peluang-peluang ekonomi, keamanan, undang-undang yang adil dan menghormati kuasa pemerintah kerajaan pusat. Kesemua keadaan ini boleh memajukan mutu kehidupan dan kemakmuran mereka.

Kesimpulan

- Kemunculan empayar mencerminkan bahawa orang yang kuat akan menguasai orang yang lemah. Namun, kekejaman dan ketidakadilan yang dilakukan oleh maharaja atau pemerintahan menyebabkan penduduk di dalam sesebuah empayar cuba menggulingkan pemerintahan seseorang maharaja.

TEMA 3 : KETAHANAN DAN PERTAHANAN

Soalan 1

Bincangkan konsep ketahanan dan pertahanan. Huraikan cara-cara yang digunakan oleh kerajaan-kerajaan tamadun awal untuk mengukuhkan ketahanan dan pertahanan masing-masing.

Ulasan soalan

Calon-calon diminta menjelaskan konsep ketahanan dan pertahanan serta menghuraikan cara-cara yang digunakan oleh kerajaan-kerajaan tamadun awal untuk mengukuhkan ketahanan dan pertahanan masing-masing. Contoh-contoh yang boleh digunakan mestilah yang berkaitan dengan tamadun awal.

Pengenalan

- Pelbagai cara dilakukan oleh masyarakat untuk mengukuhkan ketahanan dan pertahanan kerajaan mereka. Kekuatan fizikal dan mental seringkali digabungkan untuk mencapai hasrat tersebut.

-Pemilihan cara atau kaedah ketahanan dan pertahanan adalah berbeza antara sesebuah tamadun mengikut kesesuaian sesebuah kerajaan seperti kedudukan geografi, iklim dan sebagainya.

Isi

Konsep ketahanan dan pertahanan

- Ketahanan merujuk kepada daya juang dan sifat tahan lasak dalam menghadapi peperangan. Seseorang perlu memiliki sifat ketabahan, kecekalan dan kesabaran. Terdapat dua kategori ketahanan iaitu ketahanan fizikal dan ketahanan mental.
- Ketahanan fizikal merujuk kepada aspek jasmani dan kekuatan ketenteraan. Ketahanan mental atau kerohanian merujuk kepada aspek agama dan moral.
- Pertahanan adalah perihal mempertahankan diri, agama, bangsa dan negara daripada ancaman musuh.
- Terhadap empat perkara utama untuk mencapai matlamat pertahanan dan ketahanan. Perkara-perkara tersebut ialah strategi, taktik, teknologi peperangan dan pentadbiran tentera.
- Strategi ialah tipu helah atau muslihat untuk mengalahkan musuh manakala taktik pula ialah kebijaksanaan bertindak di medan peperangan.
- Teknologi peperangan termasuklah semua peralatan dan kelengkapan yang digunakan untuk bertempur atau berperang.
- Pentadbiran ketenteraan atau logistik merujuk kepada keperluan dan kelengkapan peperangan seperti senjata, ubat-ubatan, pengangkutan, bekalan makanan dan seumpamanya.

Cara-cara untuk mengukuhkan ketahanan dan pertahanan

- Kubu pertahanan.** Membina kubu-kubu pertahanan di tempat-tempat strategik supaya ancaman luar dapat diatasi. Tembok Besar China dibina untuk menghadapi serangan orang gasar.
- Kekuatan fizikal tentera.** Latihan khas untuk menambahkan kekuatan fizikal dan kemahiran seperti tentera Rom yang dilatih berjalan sejauh 30 km hingga 50 km sehari dengan membawa bersama peralatan melebihi 35 kg di atas bahu mereka.
- Kekuatan mental** –Dilakukan melalui lafaz ikrar, sumpah setia dan sebagainya. Dalam upacara angkat sumpah di Srivijaya, datu akan meminum air yang disiram pada batu bersurat supaya pembesar dan hulubalang memberikan taat setia yang tidak berbelah bagi kepada raja.
- Menyusun strategi dan taktik.** Orang Yunani mempunyai pasukan tentera elit yang dikenali sebagai *phalanx*. Kekuatan tentera ini bergantung pasukan hoplite yang terdiri daripada tentera pejalan kaki yang dilengkapi lembing, bertopi dan berbaju besi. Melalui formasi *phalanx*, tentera berbaris rapat-rapat antara lapan hingga 10 barisan. Pasukan pemanah akan melancarkan serangan jarak jauh dari celah-celah lapisan phalanx. Dalam masa yang sama, pasukan kalvari dan tentera berkereta kuda akan menyerang dari kedua-dua bahagian sayap.
- Penggunaan senjata**—Semasa pemerintahan Hammurabi, kereta kuda digunakan secara meluas. Dalam tamadun India, tentera bergajah menjadi unit penggempur dan pemusnah yang berkesan kerana gajah boleh memecahkan barisan-barisan musuh, meruntuhkan

pintu kota dan khemah-khemah musuh. Tentera yang berada di atas gajah mempunyai pandangan yang jelas untuk memanah dan merejam lembing.

Kesimpulan

-Ketahanan dan pertahanan adalah dua perkara yang perlu diberi penekanan untuk meneruskan kesinambungan sesebuah kerajaan. Jika tidak, dengan mudah sesebuah kerajaan akan ditakluk atau dijajah oleh kuasa lain.

Soalan 2

Huraikan persediaan yang dilakukan oleh masyarakat Yunani dan Rom untuk meningkatkan kekuatan mental dan fizikal bagi menghadapi peperangan.

Ulasan soalan

Calon diminta membincangkan langkah-langkah yang diambil oleh kedua-dua tamadun Yunani dan Rom bagi mempersiapkan diri warganegara mereka dari segi mental dan fizikal bagi menghadapi peperangan.

Pengenalan

- Peperangan menjadi lumrah sejak wujudnya tamadun awal manusia. Peperangan biasanya bermotifkan ekonomi, perluasan wilayah, mencari kemegahan dan alat untuk mencapai sesuatu dasar bagi sesebuah kerajaan.
- Dalam usaha untuk mencapai kemenangan di medan peperangan, kekuatan mental dan fizikal anggota tentera adalah penting.
- Justeru beberapa kerajaan tamadun silam telah menyiapkan tenteranya dengan pelbagai cara untuk menghadapi peperangan.

Isi

Di Yunani

- Di negara kota Sparta, kanak-kanak lelaki diberi latihan fizikal dan mental sejak berusia tujuh tahun. Kanak-kanak tersebut dipisahkan dengan ibu bapa mereka dan ditempatkan di berek tentera bagi menjalani latihan ketenteraan.
- Mereka didedahkan dengan selok-belok ketenteraan seperti menunggang kuda, berenang, memanah dan sebagainya.
- Apabila berusia 19 tahun, mereka dilatih menggunakan senjata dan bertempur. Setiap 10 hari, ujian yang sukar diadakan. Mereka disebat di tempat pemujaan dewa Tuhan Orthia.
- Setelah mencapai usia 20 tahun, latihan ketenteraan sebenar diadakan. Mereka hidup dalam dunia peperangan selama 10 tahun, dilatih untuk mengawal di kawasan sempadan negara kota. Genap 30 tahun, latihan ketenteraan pun tamat dan mereka boleh berkahwin.
- Kaum wanita pula diberi latihan fizikal agar dapat melahirkan keturunan yang cergas dan kuat. Hal ini dapat menyemai semangat patriotisme di kalangan kaum wanita.
- Di Athens, kanak-kanak lelaki diberi latihan fizikal dan ketenteraan tetapi tidaklah seteruk di negara kota Sparta. Di peringkat sekolah rendah lagi, kanak-kanak dimasukkan ke sekolah tinju dan sekolah muzik.

-Pada usia 15 tahun, mereka menjalani pendidikan menengah di gymnasium khusus untuk menjalani latihan fizikal. Mereka yang berumur 18 tahun diberi latihan ketenteraan di pusat latihan ketenteraan kerajaan.

-Di Athens, setiap empat tahun, Sukan Olimpik diadakan di Olympus yang disertai oleh semua atlet dari setiap *polis*. Sukan ini memberi semangat dan disiplin yang tinggi kepada peserta untuk mencapai kejayaan. Secara tidak langsung, acara ini dapat mempersiapkan kekuatan mental dan fizikal.

-Negara kota Yunani mempunyai pasukan pejalan kaki yang dikenali sebagai tentera phalanx yang memakai perisai, topi, pakaian besi beserta lembing dan pedang. Formasi sebegini amat berkesan seperti mereka mengalahkan tentera Parsi dalam peperangan di Marathon.

Di Rom

-Satu cara untuk menguatkan mental dan fizikal rakyat Rom ialah dengan bertarung dalam gelanggang dengan binatang buas. Gladiator yang kalah biasanya akan dibunuh. Acara seperti ini berjaya meningkatkan semangat keberanian dan menanam semangat keinginan untuk menang dalam setiap peperangan atau perlawanan.

-Tentera Rom dilatih secara professional. Mereka mampu berjalan sejauh 30 km hingga 50 km sehari dengan membawa bersama peralatan lebih 35 kg di atas bahu mereka.

-Amalan lumba kuda juga dipertandingkan di kalangan masyarakat Rom. Amalan seperti ini secara tidak langsung memberi pendedahan untuk meningkatkan kemahiran dan kepantasan di medan peperangan.

Kesimpulan

-Persediaan yang rapi kedua-dua tamadun ini menjadikan tentera mereka bersedia pada bila-bila masa untuk menghadapi peperangan. Tidaklah hairanlah jika kedua-dua tamadun ini terkenal kerana dasar perluasan wilayah di Eropah.

Soalan 3

Bincangkan struktur organisasi ketenteraan Arab dari zaman Nabi Muhammad s.a.w. hingga zaman kerajaan Bani Umayyah.

Ulasan soalan

Perbincangan hendaklah tertumpu kepada struktur organisasi ketenteraan Arab pada Zaman Nabi Muhammad s.a.w., zaman Khalifah al-Rasyidin dan kerajaan Bani Umayyah.

Pengenalan

-Organisasi ketenteraan melibatkan beberapa aspek iaitu sistem gaji tentera, formasi tentera, jenis tentera, peralatan, strategi dan taktik.

-Kekuatan sesebuah pasukan tentera banyak bergantung kepada aspek organisasi ketenteraan.

Isi

Gaji

-Pada zaman Nabi Muhammad s.a.w. tentera Islam tidak dibayar gaji. Mereka hanya menerima ganjaran daripada harta rampasan perang (ghanimah). Mereka berjuang secara sukarela dan berjihad kerana Allah s.w.t.

-Gaji atau elaun tetap tentera Islam hanya dibayar pada zaman Khalifah Umar al-Khattab. Di bawah skim ini, tentera Muhajirin dan Ansar dibayar antara 3000 hingga 5000 dirham setahun. Tentera veteran menerima 2000 dirham setahun dan tentera junior menerima 1500 hingga 2000 dirham setahun.

-Pada zaman kerajaan Bani Umaiyah, purata gaji tentera Islam ialah 1000 dirham setahun.

Formasi tentera

-Formasi tentera Islam adalah berdasarkan sistem al-Saf (berbaris) yang diasaska oleh Nabi Muhammad s.a.w. Setiap baris mengandungi 100 hingga 1000 orang.

-Pada zaman Khalifah Ali bin Abi Talib, diperkenalkan formasi *kurdu*. Setiap *kurdu* terdiri daripada 300 hingga 600 tentera. Melalui sistem ini tentera Islam diletakkan di bawah seorang panglima tentera. Istilah moden yang digunakan bagi *kurdu* ialah *batalion*.

-Setelah bilangan tentera Islam bertambah, sistem *Arif* diperkenalkan. *Arif* ialah jawatan ketua pasukan tentera yang terdiri daripada 10 orang pejuang. Biasanya setiap *Arif* mengetuai 10 orang tentera.

-Pada zaman pemerintahan Bani Umaiyah, seorang al-na'ib (pembantu) mengetuai setiap 50 atau 100 tentera. Setiap 10 orang *al-na'ib* atau 1000 orang tentera diketuai oleh *al-Amir* atau komander.

Peralatan

-Pedang dan lembing merupakan senjata utama. Pedang Saidina Ali dikatakan sering dapat membelah badan manusia kepada dua hanya dengan sekali tetak sahaja.

-Panah digunakan bagi serangan jarak jauh seperti dalam Perang Uhud.

-Senjata berat yang digunakan oleh tentera Islam ialah *manjaniq* dan *dabbabah*. Kedua-dua senjata ini digunakan untuk merobohkan benteng pertahanan lawan. *manjaniq* (batu pelontar) digunakan untuk melontar batu besar ke arah dinding kota supaya kota tersebut dapat dimusnahkan. Kebanyakan ahli sejarah berpendapat Nabi Muhammad s.a.w. merupakan orang pertama yang menggunakan alat ini dalam Perang Khaibar untuk menakutkan orang Yahudi.

-*Dabbabah* (kereta kebal) diperbuat daripada kayu keras yang dilitupi dengan kulit yang telah dicelup dengan cuka untuk menjadikannya kalis api. Kenderaan ini digunakan untuk melindungi tentera yang sedang mengorek dinding kota.

-Ada kalanya tentera Islam menggunakan **kuasa semula jadi** seperti meninjau keadaan cuaca dan angin. Binatang-binatang yang digunakan seperti unta yang disifatkan sebagai *kapal padang pasir* dan kuda khususnya untuk melakukan serangan-serangan mengejut.

-Semasa pemerintahan Saidina Umar al-Khattab, tentera Islam menggunakan kapal laut tetapi kerana ekspedisi tersebut sering mengalami kegagalan, penggunaan kapal laut diberhentikan.

Jenis tentera

-Pada zaman Umar al-Khattab tentera dibahagikan kepada dua iaitu tentera tetap yang berkhidmat sepenuh masa dan tentera sukarela yang berkhidmat apabila diperlukan.

-Angkatan tentera laut ditubuhkan semasa pemerintahan saidina Uthman Affan. Kerajaan Bani Umaiyah di bawah Muawiyah Abu Suffian berjaya melancarkan 50 ekspedisi ekspedisi menentang tentera Byzantine dan akhirnya berjaya menakluk Pulau Cyprus.

-Pada Zaman Bani Umayyah, terutamanya pada masa Muawiyah Abu Suffian, kapal perang tentera Islam berjumlah 1700 buah dan dua tapak industri kapal ketika itu ialah Mesir dan Syria.

Taktik dan strategi

-Teknik menunggu iaitu menunggu musuh menghampiri mereka dan setelah musuh tiba, serangan dilakukan secara spontan. Taktik ini dilakukan semasa Perang Badar dan formasi al-saf digunakan.

-Teknik mengepung. Teknik dilakukan ketika menyerang iaitu mengepung dan seterusnya melancarkan serangan bertalu-talu seperti yang berlaku dalam peperangan di Taif.

-Teknik bertahan. Tentera Islam menggali parit seperti dalam Perang Khandak.

-Menggunakan pengintip dengan menyuruh Zaid Harithah mempelajari bahasa orang-orang Yahudi untuk mendapatkan maklumat bagi memudahkan tentera Islam menentang musuh.

-Nabi Muhammad s.a.w. menasihatkan tentera Islam supaya tidak mengejar musuh yang lari dari medan peperangan bagi menunjukkan tentera Islam tidak bersifat agresif dan bimbang akan diperangkap oleh pihak musuh.

-Pada zaman kerajaan Bani Umayyah, Jabatan Perisik ditubuhkan untuk mendapatkan rahsia pihak musuh bagi mengelakkan penentangan terhadap kerajaan.

-Khalifah Umar al-Khattab membina bandar-bandar tentera yang bertujuan membekalkan tentera dengan cepat di kawasan-kawasan perbatasan.

Kesimpulan

-Daripada perbincangan di atas, jelas menunjukkan tentera Islam mempunyai kekuatan dan kepakaran dari segi taktik dan strategi yang standing dengan tamadun-tamadun lain di dunia.

-Apa yang membanggakan, Nabi Muhammad s.a.w. menurut Alfazlur Rahman dalam bukunya *Muhammad Panglima Tentera*, menyatakan bahawa baginda mengejutkan musuh-musuhnya dengan gerakan-gerakan yang strategic pada setiap pertempuran dan tidak pernah mengulangi taktik dan strategi yang sama dalam peperangan yang lain.

Soalan 4

Bincangkan struktur organisasi ketenteraan Empayar Srivijaya, Majapahit dan Melaka.

Ulasan soalan

Calon dikehendaki membincangkan struktur organisasi ketenteraan ketiga-tiga kerajaan ini. Perbincangan yang berasaskan tema amat digalakkan.

Pengenalan

-Empayar Srivijaya berkembang dari abad ke-7 M hingga ke-13 M. Kemerosotan empayar Srivijaya diambil alih oleh empayar Majapahit antara abad 13 M hingga 14 M manakala Melaka pula berkembang menjadi empayar pada abad ke-15 hingga abad ke-16 M.

-Perkembangan ketiga-tiga empayar ini berkait rapat dengan kekuatan ketenteraan yang dimiliki oleh empayar-empayar berkenaan.

Isi

Raja dan panglima utama

-Raja mengetuai angkatan tentera Srivijaya. Raja dibantu oleh tiga orang pembesar tentera yang dikenali sebagai *Parvanda*, *Senapati* dan *Pratiswara*. *Parvanda* mengendalikan tentera di peringkat daerah. Beliau turut membantu datu-datu menjaga keselamatan di daerah masing-masing. *Senapati* menguruskan keselamatan di laut. Beliau juga bertanggungjawab terhadap ketua-ketua wilayah naungan yang dikenali sebagai *bhupati*. *Pratiswara* menjadi ketua hamba raja dan beliau bertanggungjawab mengumpulkan tenaga tentera dari kalangan hamba raja untuk menghadapi sesuatu peperangan.

-Seperti juga di Srivijaya, raja mengetuai angkatan tentera di Majapahit. Baginda dibantu oleh Mangkabumi (Bendahara) yang mengeluarkan arahan yang berkaitan dengan pertahanan negara.

-Di Melaka, sultan tidak pergi berperang. Tugas tersebut dipertanggungjawabkan kepada Bendahara. walaupun pembesar berempat Melaka mempunyai tugas-tugas tertentu, namun dalam hal peperangan, semuanya memainkan peranan yang sama. Sungguhpun Bendahara mengetuai angkatan perang, adakalanya salah seorang daripada pembesar berempat itu mengetuai ekspedisi tentera ke sesuatu kawasan. Temenggung Tun Mutahir pernah dihantar oleh sultan untuk menyerang Pahang dan Kelantan.

Jenis tentera

-Srivijaya memiliki tentera darat dan tentera laut. Dianggarkan jumlah tentera Srivijaya mencapai angka 20 000 orang. Kerajaan Srivijaya bukan sekadar menggunakan khidmat Orang Laut sebagai askar upahan sebaliknya telah menyerap Orang Laut dalam pentadbiran kerajaan dan pegawai tentera.

-Terdapat tiga jenis tentera di Majapahit iaitu tentera biasa, tentera yang terdiri daripada putera-putera raja dan tentera yang lengkap bersenjata. Walau bagaimanapun, tentera biasa adalah unit terbesar dan sebahagian besar daripadanya terdiri daripada tentera sukarela rakyat tempatan.

-Majapahit juga memiliki tentera laut yang cekap untuk mengawal ancaman musuh-musuhnya di sekitar pantai Jawa. Pasukan ini turut menyumbang kepada kegemilangan kerajaan Majapahit.

-Tentera Melaka terdiri daripada tentera darat dan tentera laut. Tentera laut dipimpin oleh laksamana.

Taktik dan strategi

-Tentera Srivijaya mahir menggunakan perahu untuk menumpaskan musuh. Tentera Melaka pula menyalakan api di tepi pantai bagi menunjukkan kekuatan tentera Melaka kepada pihak musuh.

-Tentera Melaka juga mempelajari teknologi pembuatan meriam dan bedil.

Peralatan/senjata

-Tentera Srivijaya dan Majapahit banyak menggunakan senjata tradisional seperti lembing, pedang dan keris.

-Tentera Melaka menggunakan senjata tradisional seperti keris, parang, tombak, lembing dan sumpitan. Alat-alat lain yang digunakan ialah meriam, alat semboyan dan tanglung(api)

Kesimpulan

-Tamadun Melayu juga memiliki struktur organisasi ketenteraan yang boleh dibanggakan. Tidak hairanlah jika ketiga-tiga kerajaan berkembang menjadi empayar yang terkenal di Asia Tenggara.

Soalan 5

Huraikan sumbangan teks *Arthasastra* karya Kautilya dalam bidang ketenteraan.

Ulasan soalan

Calon diminta menghuraikan sumbangan Kautilya yang berkaitan dengan ketenteraan melalui bukunya *Arthasastra*.

Pengenalan

- Kautilya merupakan seorang Brahmin dan menjadi Ketua Menteri kepada Chandragupta Maurya. Dikenali juga sebagai Chanakya atau Vishnugupta.
- Karya yang dihasilkan pada abad ke-3 SM. ini merupakan buku tentang ketatanegaraan dan ekonomi.
- Melalui karya ini, Kautilya telah mengemukakan pelbagai strategi dan kaedah dalam peperangan.

Isi

- Arthasastra* menegaskan untuk menghadapi musuh, pendekatan 'bheda' digunakan iaitu cara melaga-lagakan musuh dengan menimbulkan isu-isu sensitif.
- Menggunakan cara 'saman' iaitu mencari perdamaian khususnya dengan negara yang lemah. Bermusuhan dengan negara yang lemah merugikan masa.
- Pemberian 'dana' iaitu memberi rasuah dalam pelbagai bentuk kepada musuh yang tidak dikenal pasti kekuatannya. Pemberian rasuah dapat melalaikan musuh yang kuat.
- Menggunakan konsep 'danda' iaitu menggunakan kekerasan ke atas orang jahat dan musuh ketat kita.
- Kautilya memperkenalkan teori 'mandala'. Menurutnya pemerintah mesti bijak mencari kawan dan berbaik-baik dengan musuh negara yang akan diperangi. Apabila peperangan berlaku, sudah tentu musuh tersebut akan membantu kita.
- Arthasastra mencadangkan supaya pemerintah mewujudkan badan pengintipan untuk mencari rahsia dan menyampaikan maklumat kepada pemerintah.
- Melalui karya ini, Kautilya telah menyatakan bahawa dunia ini penuh dengan kejahatan. Jadi, orang yang kuat tidak pernah berasa belas kasihan kepada yang lemah. Oleh itu raja yang bersikap jujur dan bersimpati kepada musuh dianggap bodoh kerana raja berkenaan akan mudah dikalahkan oleh musuh-musuhnya.
- Kautilya juga menyarankan supaya seseorang raja tidak mempercayai sesiapa termasuk anak dan isteri kerana mereka boleh menjadi ejen kepada pihak musuh yang boleh menjatuhkan kuasa raja. Makanan raja hendaklah diuji terlebih dahulu kerana bimbang makanan itu mengandungi racun.

Kesimpulan

- Arthasastra merupakan sumber rujukan pemerintah untuk mengekalkan kuasa dan melaksanakan strategi peperangan. Buku ini masih relevan hingga kini.
- Peranan pemikir ketenteraan turut memasyhurkan sesebuah tamadun.

Soalan 7

Contoh Jawapan lengkap

Bincangkan sumbangan Nicolo Machiavelli dan Sun Tzu dalam bidang strategi peperangan.

Ulasan soalan

Calon diminta membincangkan idea-idea yang diketengahkan oleh kedua-dua pemikir ketenteraan ini.

Nicolo Machiavelli merupakan seorang diplomat Itali dan hidup pada abad ke-16. Antara buku yang ditulisnya termasuklah *Art of War*, *The Prince* dan *Discourses* yang mengandungi maklumat tentang ketenteraan di Eropah. Sun Tzu hidup pada abad ke-3 S.M. Beliau pernah menjadi jeneral tentera kerajaan Wu dan pernah mengalahkan beberapa negeri jiran dan dikatakan negeri Wu menjadi terkenal sebahagiannya disebabkan oleh populariti Sun Tzu. Saiz buku *The Art of War* amat kecil dan hanya mengandungi 6000 perkataan serta terdiri daripada 13 bab.

Kepada para pemimpin politik atau tentera, Machiavelli mengutarakan bagaimana mendapat kuasa dan seterusnya mengekalkan kekuasaan tersebut. Beliau menegaskan bahawa dalam alam nyata, tidak ada hubungan antara kuasa dan unsure moral. Hal ini membawa erti matlamat untuk mengekalkan kuasa adalah lebih penting sementara cara yang digunakan untuk mencapai matlamat sama ada bermoral atau tidak, tidak perlu dihiraukan. Kata-katanya yang terkenal ialah “matlamat menghalalkan cara”. Baginya pemimpin yang ditakuti adalah lebih baik daripada pemimpin yang disayangi.

Machiavelli membahagikan tentera kepada tiga kategori iaitu pasukan bayaran (upahan yang dibawa dari luar), pasukan bantuan (gabungan dengan negara jiran) dan pasukan rakyat (tempatan). Menurut Machiavelli, tentera bayaran dan pasukan bantuan jika diamalkan amat merbahaya. Menurutnya lagi, jika kita terlalu bergantung kepada pasukan-pasukan berkenaan, keamanan dalam negara tidak akan berterusan. Alasan yang diberikan ialah pasukan bayaran sisatnya tidak setia, kurang disiplin, dahagakan kekuasaan serta tidak boleh disatukan. Mereka dianggap handal di kalangan teman-teman mereka tetapi pengecut di hadapan musuh. Mereka tidak mempunyai rasa tanggungjawab dan tidak bersungguh-sungguh kerana upah yang tidak mencukupi. Raja Perancis misalnya mampu menundukkan Itali hanya dengan perwira-perwira yang memiliki senjata yang kurang moden kerana Itali mempunyai masalah dengan tentera bayaran.

Panglima pasukan bayaran mungkin merupakan orang terlatih dan kerana itu mereka tidak boleh dipercayai. Panglima itu bukan sahaja boleh menundukkan musuh malah boleh membelot dan mengalahkan pasukan yang menjadi majikannya. Tentera bantuan pula mengikut Machiavelli merupakan satu pasukan yang baik tetapi selalunya bahaya. Jika mereka kalah dalam peperangan, kita juga akan kalah dan ada kalanya kalau

mereka menang dalam peperangan, kita pula akan menjadi tawanan mereka. Machiavelli yakin bahawa kemenangan sejati adalah melalui pasukan rakyat.

Machiavelli juga mencadangkan bahawa raja hendaklah tidak mempunyai kesibukan lain kecuali mempelajari perang, organisasi dan disiplinnya kerana itulah satu-satunya seni yang diperlukan oleh seseorang raja atau pemimpin. Kemampuan dalam hal ini begitu mulia dan jika raja lebih mementingkan kehidupan mewah daripada angkatan perangnya, maka negara tersebut akan mengalami kehancuran.

Dalam *The Art of War*, Machiavelli turut menegaskan prinsip ketenteraan dalam pemerintahan negara. Menurutnya, sesebuah negara perlu mempunyai pasukan tentera berjalan kaki yang setia, sanggup berkorban untuk Negara dan mempunyai disiplin yang tinggi. Beliau juga tidak begitu gemar dengan pembinaan kubu kerana taktik ini sering membawa kepada kegagalan. Anggota tentera juga harus memakai pakaian yang ringan dan lengkap dengan peralatan canggih.

Bagi Sun Tzu, peperangan adalah urusan negara yang penting untuk menentukan kelangsungan hidup atau kebinasaan sesebuah negara. Justeru soal peperangan itu perlu diselidiki terlebih dahulu. Beberapa pertimbangan perlu diambil kira sebelum melibatkan diri dalam sesuatu peperangan. Pertama, alasan moral. Alasan moral (penjelasan sebab) bagi menentukan rakyat bersetuju dan akur kepimpinan Negara. Hal ini kerana, jika rakyat bersetuju dengan tindakan pemimpin, mereka sanggup menghadapi apa jua kesukaran bersama pemimpin termasuk menggadai nyawa mereka. Keduanya ialah keadaan iklim termasuk cuaca, musim dan masa yang menguntungkan. Ketiganya ialah kebijaksanaan jeneral dan pengelolaan tentang undang-undang tentera, cara mengendalikan keperluan tentera dan dasar perlantikan pegawai tentera.

Apabila melancarkan serangan, Sun Tzu mencadangkan seseorang jeneral harus berusaha untuk mencapai kemenangan secepat mungkin dan mengelakkan pertempuran yang berpanjangan. Peperangan yang mengambil masa yang singkat dapat menjamin kebajikan rakyat dan keselamatan negara. Jika kemenangan ditangguhkan, semangat dan keazaman anggota tentera akan menjadi lemah dan perbendaharaan negara akan berkurangan.

Bagi Sun Tzu, berusaha mencapai kemenangan dalam setiap pertempuran bukanlah strategi yang baik, sebaliknya menewaskan musuh tanpa menggunakan kekerasan adalah cara yang terbaik. Cara yang merugikan sekali ialah mengepung kubu pertahanan musuh. Hal ini kerana kepungan tersebut mengambil masa enam bulan, tiga bulan menyediakan senjata dan tiga bulan untuk mendirikan kubu sebelum tembok itu dipanjat.

Dalam melancarkan sesuatu serangan, terdapat beberapa cara yang harus digunakan. Jika kekuatan kita 10 kali ganda daripada pihak lawan, kepunglah mereka. Jika kekuatan kita lima kali ganda, seranglah mereka. Jika kekuatan kita dua kali ganda, pisahkan mereka. Jika kekuatan kita setara, bertempurlah dengan mereka. Jika kekuatan kita tidak setara dengan pihak lawan, hindarlah peperangan.

Seseorang jeneral yang bijak, dapat menyerang dengan pantas dalam masa yang tepat seperti helang dapat menyambar mangsanya kerana menggunakan masa dengan tepat. Selain itu kesempatan yang ada perlu digunakan dengan sebaiknya. Sesuatu pasukan yang tiba lebih awal di medan peperangan akan mempunyai masa rehat yang lebih dan sempat menanti musuh. Manakala pasukan yang lewat tiba akan tergesa-gesa melancarkan tindakan kerana mereka masih penat. Seseorang yang pakar dalam

peperangan akan memaksa musuhnya melalui suatu perjalanan yang jauh lagi mernahaya, sementara itu dia menunggu musuh dalam keadaan selesa. Ketika musuh rehat, dia hendaklah meletihkannya. Apabila musuh mempunyai banyak makanan, dia harus berikhtiar untuk melaparkan mereka. Apabila musuh hendak berhenti rehat di sesuatu tempat, dia hendaklah memaksa mereka berjalan.

Jika hendak menggunakan taktik pembakaran iaitu membakar manusia, gudang, barang-barang, senjata dan sebagainya seseorang jeneral harus dibantu oleh orang awam dan keadaan cuaca. Musim yang sesuai untuk melakukan pembakaran ialah musim kering dan waktu yang sesuai ialah semasa angin bertiup kencang.

Seseorang raja dan jeneral yang selalu mencapai kemenangan disebabkan bantuan pengintip. Terdapat lima jenis pengintip iaitu pengintip tempatan, pengintip dalaman, pengintip dua pihak, pengintip maut dan pengintip utusan. Pengintip tempatan terdiri daripada penduduk negeri musuh, manakala pengintip dalaman terdiri daripada pegawai-pegawai musuh yang tidak berpuas hati dengan negerinya sendiri. Pengintip dua pihak merupakan pengintip musuh yang pernah diutuskan untuk tujuan pengintipan. Pengintip maut ialah pengintip musuh yang diberikan maklumat palsu melalui seseorang yang tidak tahu namanya. Pengintip utusan ialah pengintip yang menyamar sebagai utusan bertujuan mengumpul maklumat rahsia dan kembali membuat laporan.

Peranan pemikir ketenteraan turut memasyhurkan sesebuah tamadun. Tamadun Eropah dan China boleh berbangga kerana melahirkan tokoh-tokoh genius dalam bidang ketenteraan seperti Machiavelli dan Sun Tzu. Kesungguhan mereka menghuraikan secara teori dan praktikal amat berguna untuk diamalkan dalam bidang ketenteraan sehingga kini.

Soalan 3 STPM 2004

Dengan memberikan contoh-contoh yang sesuai, huraikan sebab-sebab yang membawa kepada berlakunya peperangan dalam tamadun manusia.

Calon dikehendaki menghuraikan sebab-sebab yang membawa kepada meletusnya peperangan dalam tamadun awal manusia. Calon diingatkan supaya memberi contoh-contoh sesuai daripada tamadun-tamadun awal seperti Tamadun Mesir, Mesopotamia, Lembah Indus dan Hwang Ho.

Pengenalan

- Peperangan merupakan konflik yang berlaku antara kumpulan-kumpulan tertentu yang biasanya menggunakan taktik kekerasan seperti pemberontakan bersenjata dan perang saudara.
- Kesan daripada peperangan ialah manusia mencapai kemajuan dalam bidang teknologi dan industri.
- Peperangan juga boleh membawa kepada kemerosotan sesebuah tamadun.

Isi

- Peperangan selalunya berlaku kerana keinginan menguasai sumber-sumber ekonomi seperti tanah-tanah yang subur, logam dan untuk mendapatkan tenaga buruh. Negara kota di Mesopotamia sering berperang kerana merebut sumber air.
- Peperangan juga meletus kerana sesebuah rejim ingin membendung pemberontakan yang ditimbulkan oleh penduduk tempatan. Negara kota Sparta misalnya melakukan paksaan ke atas penduduk Messenia bagi mengerjakan tanah pertanian yang bertujuan menghapuskan penentangan terhadap negara kota Sparta.

- Peperangan turut meletus kerana sesebuah kerajaan atau empayar cuba melindungi perdagangan antarabangsa dan jalan perdagangan. Rom dan Carthage misalnya berperang disebabkan kedua-dua kuasa tersebut ingin mengekalkan monopoli perdagangan di Lautan Mediterranean.
- Ada juga peperangan yang meletus kerana merebut kawasan sempadan. Fenomena ini berpunca daripada ketiadaan sempadan yang tetap akibat pengembangan atau pengecutan kuasa sesuatu kerajaan. Negara kota di Mesopotamia berperang disebabkan ketiadaan sempadan yang jelas.
- Peperangan juga meletus kerana sesebuah kerajaan cuba mempertahankan kedaulatan negara daripada serangan luar. Dinasti Chin misalnya telah membina tembok bagi menghadapi serangan orang gasar.
- Faktor agama juga boleh membawa kepada peperangan seperti yang berlaku antara Athens yang beragama Atheist dan Parsi yang beragama Theist.
- Kebiasaannya sesebuah kerajaan atau empayar berperang untuk mengukuhkan kuasa politik sesuatu monarki pada peringkat awal tamadun manusia. Keluasan sesebuah empayar menjadi ukuran kegemilangan dan kemegahan sesebuah kerajaan atau dinasti.

Kesimpulan

- Peperangan adalah suatu fenomena sejagat.
- Tujuan peperangan adalah berbeza mengikut tamadun dan tempoh waktu.
- Peperangan menjadi faktor utama yang menentukan corak perjalanan sejarah dunia.

Soalan 3 STPM 2003

Sejauh manakah pengukuhan Empayar Maurya dan Empayar Gupta di India disebabkan oleh kekuatan organisasi tenteranya?

Pengenalan

- Empayar Maurya diasaskan oleh Chandragupta Maurya pada tahun 321 S.M. merupakan empayar pertama di India.
- Empayar Gupta diasaskan oleh Chandragupta yang menggunakan gelaran Maharajadhiraja (Raja Segala Raja) Baginda digantikan oleh puteranya bernama Samudragupta yang digelar *Indian Napoleon*.
- Kemunculan kedua-dua empayar zaman klasik di India ini disebabkan oleh organisasi ketenteraannya yang sistematik.

Isi

- Sesungguhnya kekuatan organisasi ketenteraan menyumbang kepada kegemilangan kedua-dua empayar ini. Dari segi jenis-jenis tentera, empayar Maurya mempunyai empat jenis tentera iaitu tentera berkuda, tentera berkereta kuda, infantri dan tentera bergajah.
- Tentera bergajah dapat memecahkan barisan musuh, meruntuhkan kubu, pintu kota dan benteng pertahanan musuh. Kereta kuda digunakan secara meluas oleh kerajaan Maurya.
- Struktur organisasi ketenteraan Maurya cukup tersusun. Unit asas tentera India ialah patti yang mengandungi seekor gajah, sebuah kereta kuda, tiga ekor kuda dan lima anggota tentera. Tiga patti akan membentuk satu senamukka. Tiga senamukka membentuk satu gulma. Sebuah pasukan tentera yang lengkap dipanggil aksauhini yang terdiri daripada 21870 patti.
- Raja-raja Maurya dan Gupta mempunyai angkatan tentera yang ramai. Chandragupta Maurya misalnya mempunyai anggota tentera berjumlah 600 000 orang, Rajaraja I mempunyai 900 000 tentera dan Mahendrapala memiliki tentera berjumlah 800 000 orang.

- Dari segi peralatan perang pula, tentera kedua-dua empayar ini membahagikan kepada dua iaitu senjata berbentuk defensif dan senjata berbentuk ofensif. Senjata berbentuk ofensif termasuklah pedang, lembing, panah beracun, meriam dan kapak. Senjata defensif termasuklah perisai, topi besi, pelindung leher dan pakaian pelindung badan.
- Wujud juga pentadbiran ketenteraan yang berkesan kerana terdapat unit-unit lain seperti pasukan perubatan yang memberi bantuan kepada tentera India yang tercedera di medan peperangan. Doktor-doktor bedah dan jururawat turut serta di belakang pasukan tentera. Begitu juga dengan pasukan muzik ditugaskan sama ada untuk memberi amaran atau bersiap sedia turun ke padang.
- Selain daripada struktur organisasi ketenteraan, faktor-faktor lain turut menyumbang kepada pengukuhan empayar Maurya dan Gupta. Antaranya termasuklah
 - a) dasar diplomasi yang diamalkan seperti perkahwinan politik.
 - b) kepimpinan yang berwibawa seperti Chandragupta dan Asoka
 - c) pengamalan dan kepatuhan kepada agama Buddha bagi kerajaan Maurya dan agama Hindu bagi kerajaan Gupta.
 - d) melaksanakan birokrasi dengan memperkemaskan pentadbiran dengan perlantikan gabenor di peringkat wilayah.
 - e) memantau keadaan politik di peringkat pusat dan wilayah bagi mengelakkan pemberontakan tempatan.

Kesimpulan

- Kekuatan organisasi ketenteraan berjaya mengukuhkan empayar Maurya dan Gupta.
- Struktur pentadbiran yang sistematik membolehkan pemerintah mengawal askar dan rakyatnya yang berbilang kaum.

Soalan 3 STPM 2001

Huraikan struktur pentadbiran ketenteraan dalam tamadun India sebelum Islam.

Pengenalan

- Penduduk awal tamadun India ialah orang Dravidia. Soalan ketahanan dan pertahanan tidaklah begitu penting pada masa itu.
- Dengan kemasukan orang-orang Aryan menjelang 1500 S.M. bermulalah organisasi ketenteraan yang lebih tersusun.

Isi

Struktur ketenteraan tamadun India

- Raja bertindak sebagai ketua angkatan tentera dan dibantu oleh seorang panglima agung yang dikenali sebagai Mahasenapati.
- Biasanya panglima agung ini terdiri daripada anggota keluarga diraja. Mereka menerima arahan langsung daripada raja.
- Di bawah panglima agung, terdapat kapten yang merupakan golongan bangsawan feudal.
- Unit asas tentera India ialah *patti* atau platoon yang mengandungi seekor gajah, sebuah kereta kuda, tiga ekor kuda dan lima anggota tentera.

Tiga *patti* akan membentuk satu *senamukka* atau skuadon. Tiga *senamukka* membentuk satu gulma. Sebuah pasukan tentera yang lengkap dipanggil *aksauhini* yang terdiri daripada 21870 *patti*. Bagaimanapun, pembahagian tersebut tidaklah tetap dan akan berubah mengikut keadaan.

-Semasa era pemerintahan kerajaan Maurya, wujud tentera yang besar dan kuat. Tentera Chandragupta Maurya meliputi 30 000 kalvari, 60 000 infantri dan 9000 ekor gajah.

-Terdapat juga jawatan lain dalam bidang ketenteraan iaitu doktor, jururawat pemuzik. Mereka akan memberi bantuan kepada tentera yang tercedera dalam peperangan. Mereka bukan sahaja beradad di kem-kem tentera tetapi juga bersama-sama medan peperangan.

-Kaum wanita turut terlibat dalam bidang ketenteraan sebagai tukang masak dan pelayan di medan pertempuran.

-Pasukan muzik ditugaskan untuk memberikan amaran atau bersiap sedia turun ke medan peperangan.

-Secara umumnya tentera India dibahagikan kepada empat bahagian iaitu tentera bergajah, tentera berkuda, tentera berkereta kuda dan infantri. Ini menunjukkan tamadun India mempunyai struktur pentadbiran tentera yang teratur dengan pembahagian setiap unit dan tanggungjawab masing-masing. Tentera bergajah adalah jenis tentera yang diutamakan di India. Gajah-gajah dilatih untuk tujuan peperangan sebagai perisai dan perempuh musuh, kota, tembok dan sebagainya.

-Tentera berkuda dikatakan lebih berkesan untuk menyerang kerana dapat bertindak pantas. Pada zaman Gupta, tentera berkuda digunakan untuk tujuan pengangkutan dalam peperangan.

-Terdapat juga kategori lain iaitu tentera laut, pengintip dan pegawai pembekalan tentera.

Kesimpulan

-Tamadun India sebelum pengaruh Islam jelas menunjukkan terdapat struktur organisasi ketenteraan yang tersusun. Beberapa struktur pentadbiran peperangan ini diteruskan oleh tamadun Islam yang kemudiannya memerintah India.

TEMA 5: PENDIDIKAN

Soalan 1

Bincangkan dasar pendidikan yang diamalkan dalam tamadun Mesir dan tamadun China.

Ulasan soalan

Soalan ini menghendaki calon membincangkan dasar pendidikan yang diamalkan oleh kedua-dua tamadun berkenaan.

Pengenalan

- Proses pendidikan bermula sejak kelahiran seseorang manusia dan berterusan sehingga akhir hayat.
- Secara umumnya pendidikan ialah kegiatan terancang dan sistematik terhadap perkembangan jasmani dan rohani seseorang individu dalam sesebuah masyarakat supaya lebih sempurna kehidupannya.

Isi

Mesir

- Jawatan jurutulis menjadi idaman ibu bapa di Mesir. Di samping itu jawatan ini mendapat pengiktirafan tertinggi. Jawatan ini bukanlah sekadar menjadi pencatat tetapi juga mestilah mempunyai kemahiran dalam bidang matematik dan kejuruteraan.
- Dasar pendidikan Mesir juga bertujuan memenuhi permintaan terhadap golongan profesional seperti jurutera, arkitek, artisan ahli muzik dan pegawai tentera.
- Tujuan pendidikan di Mesir juga adalah untuk melahirkan individu yang dapat menguasai kemahiran asas iaitu membaca dan menulis. Kemahiran membaca diperoleh melalui nyanyian daripada teks lama secara berkumpulan. Kemahiran menulis pula diperolehi dengan menyalin teks klasik.
- Dasar pendidikan Mesir juga bertujuan supaya pelajar menguasai bidang kraftangan, pertukangan dan kesenian. Penguasaan dalam bidang-bidang ini adalah penting supaya mereka dapat menjalankan tugas seharian mereka sempurna apabila dewasa nanti.

China

- Dasar pendidikan di China mempunyai kaitan yang rapat dengan sistem peperiksaan yang diamalkan. Melalui sistem peperiksaan awam yang diamalkan, akan lahir pegawai dan pentadbir dalam sistem pemerintahan di China. Justeru, matlamat utama sistem pendidikan di China ialah untuk melahirkan golongan birokrasi dengan tujuan mengukuhkan kerajaan dan mewujudkan keamanan.
- Sistem pendidikan di China juga bertujuan untuk meningkatkan nilai-nilai moral seperti yang ditegaskan oleh Confucius. Menurut Confucius, seseorang pemimpin harus mempunyai personality yang bermoral, menjalankan tugas dengan adil, mementingkan kebajikan rakyat dan mentadbir negara dengan baik.
- Dasar pendidikan China juga memberi perhatian terhadap hubungan luar negara khususnya semasa era pemerintahan Dinasti Ming. Hal ini menjadi perhatian kerajaan

kerana ramai wakil kerajaan asing melawat China. Justeru, pihak pemerintah telah menubuhkan jabatan juru bahasa untuk mengendalikan hal-hal hubungan luar negara.

Kesimpulan

-Tamadun Mesir memberi tumpuan kepada penguasaan asas iaitu membaca dan menulis manakala tamadun China memberi perhatian kepada sistem peperiksaan awamnya.

-Kedua-dua tamadun menitikberatkan aspek-aspek yang berbeza selaras dengan kehendak negara masing-masing.

Soalan 2

Huraikan institusi pendidikan Arab selepas kedatangan Islam.

Ulasan soalan

Fokus utama yang perlu diberi perhatian dalam soalan ini ialah institusi pendidikan yang wujud dalam tamadun Arab.

Pengenalan

-Institusi pendidikan turut memainkan peranan yang penting dalam menentukan kemajuan sesebuah tamadun.

Isi

-Masjid merupakan institusi terawal dalam pendidikan Islam. Selepas berlakunya peristiwa hijrah, dua masjid dibina iaitu Masjid Quba' dan Masjid Nabawi. Pengajian di masjid lebih berbentuk tidak formal dan menjadi sekolah pertama dalam sejarah pendidikan Islam.

-Untuk menampung jumlah pelajar yang semakin ramai, institusi pendidikan di masjid telah diubahsuai apabila didirikan sebuah serambi yang bersambungan dengan masjid. Tempat ini disebut al-suffah atau surau. Beberapa sahabat terkemuka telah dilatih untuk menjadi guru dan mengajar beberapa mata pelajaran yang berlainan. Salah seorang daripadanya ialah Abu Ubaidah al-Jarrah.

-Selain di rumah dan masjid, kuttab adalah institusi yang memberi pendidikan awal kepada kanak-kanak Arab. Ada kuttab yang didirikan bersambungan dengan masjid ada kuttab yang didirikan berasingan daripada masjid. Di kuttab, al-Quran dan Hadis menjadi asas pelajarannya.

-Pendidikan di peringkat rendah juga dijalankan di istana khalifah dan rumah pembesar negeri yang dimulakan sejak kerajaan Bani Umayyah. Pendidikan di sini penting kepada anak-anak khalifah dan golongan bangsawan sebagai persiapan untuk menjadi pengganti dalam pentadbiran agama dan negara..

-Proses pengajaran dan pembelajaran juga dilaksanakan di padang pasir untuk mempelajari bahasa agar fasih dan murni, serta mencintai seni syair dan kesusasteraan. Pendidikan sebegini terbuka kepada semua lapisan masyarakat.

-Rumah-rumah ulama turut memainkan peranan penting dalam menyuburkan pendidikan secara tidak formal kepada umat Islam. Perkembangan ini berlaku kerana belum banyak sekolah yang dibina untuk memenuhi permintaan masyarakat. Antara rumah ulama yang menjadi tumpuan ialah rumah Imam Shafie dan Imam Ghazali.

-Kerajaan turut campur tangan dalam mendirikan institusi pendidikan. Pada zaman kerajaan Bani Abbasiyah, Madrasah an-Nizamiyah telah didirikan oleh kerajaan untuk

menyebarkan ajaran Mazhab Ahli Sunnah yang menjadi mazhab kerajaan. Institusi ini dianggap sebagai institusi pengajian Islam pertama bertaraf universiti. Institusi yang diasaskan oleh Nizam al-Muluk ini dilengkapi dengan kemudahan seperti perpustakaan. Guru-guru yang mengajar di institusi ini dibayar gaji dan para pelajarnya diberi biasiswa. -Banyak perpustakaan awam yang didirikan untuk membantu masyarakat menuntut ilmu. Bait al-Hikmah di Baghdad merupakan perpustakaan pertama didirikan dalam pendidikan Islam. Perpustakaan ini telah didirikan semasa pemerintahan Harun al-Rasyid. Perpustakaan ini kaya dengan bahan bacaan Arab dan terjemahan daripada buku-buku Parsi dan Yunani. Begitu juga dengan perpustakaan di Cordova, Sepanyol yang dikatakan mempunyai 600 000 judul buku.

Penutup

-Kepelbagaian institusi pendidikan yang wujud dalam sesebuah tamadun melambangkan kemajuan pendidikan dalam sesebuah tamadun. Institusi yang bersistematik pada zaman kerajaan Bani Abbasiyah misalnya membayangkan kemajuan sistem pendidikan pada waktu itu.

Soalan 3

Bincangkan dasar, institusi dan kurikulum yang wujud di Alam Melayu sebelum kurun ke-18 Masihi.

Ulasan soalan

Calon perlu membincangkan ketiga-tiga aspek iaitu dasar, institusi dan kurikulum pendidikan Alam Melayu sebelum kurun ke-18.

Pengenalan

-Pendidikan merupakan kegiatan yang biasanya dijalankan secara terancang dan sistematik terhadap perkembangan jasmani dan rohani untuk melengkapkan seseorang individu supaya dapat menjalani kehidupan yang sempurna.
-Bagaimanapun dasar, institusi dan kurikulum yang dimiliki dan diamalkan oleh sesuatu bangsa adalah berbeza mengikut kehendak masing-masing.

Isi

Dasar pendidikan Melayu

-Sebelum kedatangan Islam, dasar pendidikan adalah bertujuan untuk mengagungkan golongan pemerintah dan bangsawan. Hal ini menyebabkan pendidikan pada masa itu dimonopoli oleh golongan bangsawan dan istana.
-Pendidikan pada zaman itu juga bertujuan mengajar bahasa Sanskrit yang menjadi prasyarat untuk memegang jawatan dalam pentadbiran kerajaan.
-Matlamat pendidikan pada ini juga bermatlamat melahirkan lebih ramai golongan pendeta agama Buddha. I-Tsing menyebut bahawa Srivijaya merupakan pusat pengajian agama Buddha yang terkenal di Alam Melayu pada kurun ke-6 Masihi. Beliau menyatakan bahawa lebih daripada 1000 penuntut yang belajar pelbagai ilmu yang berkaitan agama Buddha.
-Selepas kedatangan agama Islam, dasar pendidikan lebih menjurus kepada soal-soal akidah dan pembentukan akhlak. Dasar pendidikan Melayu bukan berbentuk secular.

Institusi pendidikan Melayu

- Istana memainkan peranan penting sebagai institusi pendidikan. Ibn Batuttah mencatatkan bahawa istana raja Pasai telah dijadikan tempat perjumpaan ulama yang berbincang berkenaan hal ehwal agama. Istana Melaka pula berperanan sebagai institusi pendidikan kerabat diraja, perpustakaan dan menterjemah kitab-kitab asing.
 - Masjid merupakan institusi formal. Guru-guru terdiri daripada ulama asing dan tempatan yang mempunyai kedudukan yang tinggi dalam masyarakat.
 - Rumah-rumah guru juga turut memainkan peranan penting dalam kemajuan pendidikan Melayu. Pada zaman Kesultanan Melayu Melaka, rumah Maulana Yusuf menjadi tempat pengajaran dan pembelajaran pengetahuan agama Islam.
 - Sekolah pondik yang dikenali dengan pelbagai nama merupakan institusi menengah dan tinggi di Alam Melayu. Di Aceh, institusi ini dikenali sebagai dayah, Minangkabau (surau), Jawa (pesantren) dan Sulawesi (pengajian).
 - Institusi pendidikan tertinggi dikenali sebagai universiti disebut sebagai Bait Al-Rahman di Aceh. Pelajar yang tamat di universiti ini akan melanjutkan pelajaran di Makkah.
- ### Kurikulum pendidikan Melayu
- Pada zaman Hindu-Buddha, kitab-kitab agama banyak digunakan dalam pendidikan.
 - Pada peringkat awal kanak-kanak iaitu melalui pendidikan tidak formal, biasanya kanak-kanak diajar mengajar membaca muqaddam, al-Quran dan tajwid serta ibadat-ibadat lain. Pada waktu malam, orang-orang dewasa akan belajar feqah, usuluddin, tafsir dan hadis.
 - Di madrasah, kanak-kanak menerima pendidikan formal yang merangkumi pengajian al-Quran, tajwid, fiqah dan sebagainya. Selepas melepasi peringkat asas, pelajar didedahkan pula dengan ilmu tatabahasa Arab, falsafah, hadis dan tasauf.
 - Mata pelajaran yang diajar di jamiah Bait al-Rahman di Aceh ialah pertanian, pentadbiran, peperangan, matematik ekonomi, undang-undang, pertukangan dan perubatan.

Kesimpulan

- Pengaruh agama adalah penting dalam pendidikan di Alam Melayu. dasar, institusi dan kurikulum pendidikan sebelum dan selepas kedatangan agama Islam adalah berbeza.

Soalan 4

Bincangkan faktor-faktor kemunculan pendidikan agama dan pendidikan sekular.

Ulasan soalan

Calon perlu menghuraikan faktor-faktor kemunculan kedua-dua sistem pendidikan di atas. Maksud pendidikan agama dan pendidikan sekular juga perlu diterangkan.

Pengenalan

- Agama ialah satu sistem kepercayaan dan amalan oleh kelompok manusia yang mempunyai tafsiran dan gerak balas yang tersendiri tentang apa yang dianggap sebagai suci atau kudus.
- Sekular pula merupakan istilah yang berkaitan dengan alam nyata dan menunjukkan sifat duniawi sebagai lawan sifat keakhiratan. Aliran ini muncul kesan daripada Zaman

Renaissance dan Reformasi di Eropah pada abad ke-14 M hingga abad ke-17 M. Konsep sekular secara sedar memusatkan perhatian semata-mata kepada dunia dan menafikan peranan agama dalam urusan kehidupan kita.

Kelahiran pendidikan agama

- Manusia menafsir persekitarannya dengan rasa takut dan mempercayai alam ada kuasa yang lebih besar. Justeru, manusia mula mencari penjelasan tentang punca kejadian. Jadi agama adalah pegangan untuk mencapai kemajuan, keharmonian dan kesempurnaan.
- Perkara-perkara ajaib seperti kelahiran dan kematian yang berlaku menyebabkan manusia mencari kewujudan kuasa yang menentukannya. Dengan itu, lahirlah agama Hindu, Buddha, Confucius dan sebagainya.
- Masyarakat tamadun awal percaya kepada banyak tuhan dan unsure alam dijadikan objek pemujaan. Masyarakat Mesir percaya kepada dewa-dewi yang mereka anggap sebagai kuasa yang menentukan hidup atau matinya sesuatu kehidupan di dunia ini. Justeru mereka memuja semangat tanaman dan binatang. Antara tuhan atau dewa orang Mesir ialah *Osiris* (Tuhan Sungai Nil), *Isis* (Tuhan Bulan) dan *Nut* (Tuhan Langit).
- Selain itu masyarakat yang mengamalkan agamanya mampu melahirkan kestabilan dan kemajuan yang mendorong peningkatan tamadun manusia. Hal ini kerana pendidikan agama menekankan tingkah laku dan budi pekerti yang mulia seperti menghormati hak orang lain dan berani kerana benar.

Kelahiran pendidikan sekular

- Perkembangan Renaissance di Eropah dianggap sebagai penyebab wujudnya pendidikan sekular. Pada zaman ini, manusia mula memuja akal dan menganggap bahawa segala sesuatu yang diperoleh adalah dengan usaha sendiri dan bukannya kurniaan tuhan.
- Dengan itu lahirlah fahaman humanisme iaitu pemikiran yang meletakkan manusia sebagai subjek dan penentu kehidupan dan bukan kuasa-kuasa luar seperti dewa-dewi atau tuhan.
- Masyarakat dianggap lebih bersifat rasional dan materialistik. Fahaman humanisme menentang semua agama.
- Perkembangan sekularisme telah mempengaruhi bidang ilmu pengetahuan. Manusia telah melakukan pelbagai cara dengan meneroka bidang-bidang baru untuk mencapai kejayaan. Hal ini jelas dengan kemajuan dalam bidang intelektual di Eropah seperti perkembangan bidang sains dan teknologi, kesenian dan sebagainya.
- Seterusnya fahaman sekularisme turut menjadi elemen penting dalam sistem pendidikan moden yang menekankan aspek keduniaan dan kontemporari. Pendidikan yang berkaitan agama dipisahkan dengan jelas dalam sistem pendidikan moden.

Kesimpulan

- Disebabkan perubahan dan perkembangan semasa, naluri dan emosi manusia serta latar budaya, sosial dan politik menyebabkan berlakunya perubahan dalam sistem pendidikan.
- Sistem pendidikan yang bercorak agama kurang diminati dan pendidikan sekular mendapat tempat di hati masyarakat.
- Keadaan ini menjauhkan hubungan manusia dengan dan meletakkan manusia dengan sikap individualistik dan materialistik.

Soalan 5

Bincangkan institusi pendidikan tamadun Melayu dan tamadun China.

Ulasan soalan

Calon perlu membincangkan institusi pendidikan kedua-dua tamadun berkenaan.

Pengenalan

-Sebelum kedatangan Islam di Alam Melayu, pendidikan Melayu berkonsepkan Hinduisme-Buddhisme yang dimonopoli oleh golongan istana dan menengah. Institusi pendidikan pada masa itu berada di sekeliling istana. Bagaimanapun apabila Islam bertapak di Tanah Melayu pada abad ke-13 Masihi telah mengubah sistem pendidikan Melayu yang berkonsepkan Islam dan pendidikan untuk semua golongan, bukan untuk golongan tertentu sahaja. Justeru institusi pendidikan juga berkembang bukan sahaja di kawasan istana malah di kawasan kampung bagi memenuhi kehendak masyarakat yang dahagakan ilmu pengetahuan khususnya pengetahuan agama.

-Sistem pendidikan di China agak unik daripada tamadun lain di dunia kerana memiliki sistem peperiksaan yang ketat. Justeru Graves dalam bukunya *A History of Education* menyatakan organisasi pendidikan di China terbahagi kepada dua iaitu sistem persekolahan dan sistem peperiksaan.

Isi

Institusi pendidikan Melayu

-Masyarakat Melayu tradisional menerima pendidikan secara tidak rasmi. Mereka belajar melalui pemerhatian dan melakukan sendiri sesuatu perkara yang diajar kepada mereka oleh orang tua. Perkara-perkara yang diajar termasuklah ilmu kraf tangan, kesenian, budaya, ketukangan dan ilmu mempertahankan diri. Kebanyakan pendidikan tidak formal ini diajar di sekitar rumah atau kampung.

-Selepas kedatangan agama Islam, rumah guru agama atau ustaz menjadi tumpuan kanak-kanak untuk belajar al-Quran. Masa pembelajaran dilakukan biasanya pada waktu malam.

-Rumah ulama turut dijadikan pusat pengajian agama. Sultan Mahmud misalnya pernah berguru di rumah Maulana Yusof.

-Sekolah pondok merupakan institusi formal terpenting, sistematik dan berpengaruh di kalangan masyarakat Melayu Nusantara. Sekolah pondok dikenali dengan pelbagai nama. Di Tanah Melayu dan selatan Thai dikenali sebagai Pondok, di Aceh dan Pasai dikenali sebagai Dayah, di Minangkabau dipanggil Surau, di Jawa dikenali sebagai Pesantren dan di Sulawesi dikenali sebagai Pengajian.

-Istana juga merupakan institusi pendidikan yang penting. Memandangkan kekurangan prasarana, istana dipilih sebagai institusi yang dapat menemukan ulama-ulama untuk berbincang tentang soal-soal agama, menyimpan khazanah ilmu seperti kitab-kitab dan juga tempat menterjemah kitab-kitab dari bahasa Arab ke bahasa Melayu. Menurut Ibn Batutah, istana Pasai merupakan pusat terulung dalam bidang pendidikan pada abad ke-14. Para ulama, pemerintah dan rakyat turut terlibat dalam perdebatan berkaitan agama. Di Aceh, istana merupakan penaung kepada ilmu tasauf yang turut diminati oleh sultannya.

-Masjid juga merupakan salah satu institusi pendidikan yang terpenting. Hal ini pernah disentuh oleh Ibn Batutah yang menyatakan bahawa Pasai merupakan negeri Islam yang pertama menjadikan masjid sebagai pusat pendidikan.

Institusi pendidikan China

-Sekolah-sekolah rendah berfungsi memberikan pendidikan asas kepada kanak-kanak. Sekolah peringkat rendah biasanya dijalankan di rumah guru, pagoda lama, rumah penaung yang kaya dan rumah berhalal.

-Semasa pemerintahan Dinasti Tang, setiap wilayah dan kampung mempunyai sebuah sekolah awam. Di ibu kota kerajaan Tang, terdapat enam kolej yang mengendalikan pelbagai kursus.

-Satu lagi ciri unik institusi pendidikan di China ialah sistem peperiksaan awamnya. Tiada had umur yang ditetapkan untuk mengambil peperiksaan. Semasa peperiksaan dijalankan, calon-calon dikurung dalam bilik peperiksaan dan tidak dibenarkan keluar daripada dewan berkenaan. Mereka dibenarkan makan di dalam dewan.

-Selepas menamatkan pendidikan peringkat menengah, para pelajar akan mengambil peperiksaan awam yang dijalankan di tiga peringkat iaitu peringkat daerah, peringkat wilayah dan peringkat metropolitan.

-Para pelajar yang lulus pada peperiksaan yang pertama akan dianugerah ijazah *bakat yang cantik* samalah dengan ijazah peretama. Pada tahap kedua, dianugerahkan ijazah *Chu-Jen* seperti ijazah sarjana. Peperiksaan pada tahap ketiga dikenali sebagai *Kung-Shih* samalah dengan ijazah doktor falsafah pada zaman moden ini.

-Setelah lulus ketiga-tiga tahap peperiksaan tersebut, terdapat satu lagi peperiksaan yang dinamakan *peperiksaan istana*. Sekiranya lulus peperiksaan ini, mereka layak menjadi ahli seumur hidup sebuah organisasi yang dinamakan *Akademi Imperial*. Ahli-ahli akademi ini biasanya akan dilantik oleh maharaja sebagai penasihat kerajaan.

Kesimpulan

-Kedua-dua institusi pendidikan mempunyai kaitan rapat dengan dasar pendidikan. Institusi dan dasar pendidikan Melayu lebih bercorak keagamaan manakala institusi dan dasar pendidikan China lebih kepada melahirkan golongan birokrasi.

Contoh jawapan lengkap

Soalan 6

Bandingkan sistem pendidikan Islam dengan sistem pendidikan Barat.

Ulasan soalan

calon dikehendaki membandingkan sistem pendidikan Islam dengan sistem pendidikan Barat. Huraian yang kurang jelas sudah tentu menjejaskan markah anda.

Pengenalan

-Pendidikan wujud serentak dengan dengan kewujudan manusia.

-Melalui pendidikan, bermulalah peningkatan pemikiran dan proses perkembangan fizikal dan kerohanian manusia.

-Pendidikan Islam berbeza daripada pendidikan Barat kerana sistem pendidikan Islam selain daripada menyentuh hal-hal duniawi, turut juga mengambil kira hal-hal akhirat sementara sistem pendidikan Barat hanya tertumpu kepada kesenangan dan kebahagiaan hidup di dunia semata-mata.

Isi

Tujuan Pendidikan

-Bagi tamadun Barat, mereka lebih mementingkan kesejahteraan hidup di dunia tanpa mengambil kira kehidupan selepas kematian. Bagi mereka, dengan pendidikan, manusia akan dapat menguasai dunia dalam semua aspek dan menggunakannya untuk memenuhi cita rasa dan naluri manusia. Bagi masyarakat Barat, sesiapa yang berpendidikan dan menguasai kekayaan, mereka akan berada dalam status yang tinggi dalam masyarakat.

-Tujuan pendidikan Islam ialah untuk mewujudkan akal dan rohani bagi mengenali Allah s.w.t. dan menjadikan insan dan hamba yang taat kepada perintah-Nya. Pendidikan Islam juga bertujuan membentuk akal manusia yang bersih supaya dapat membezakan yang baik dan yang buruk.

Sumber ilmu

-Sumber ilmu orang Barat diperolehi melalui kitab Taurat dan Injil, fikiran manusia, kajian dan penyelidikan, penemuan baru, manakala sumber ilmu Islam ialah al-Quran(wahyu), hadis dan Sunnah, ijtihad (para ulama) dan qias (berpandukan al-Quran dan Hadis)

Pemisahan ilmu dari agama

-Ilmu dalam pelbagai disiplin dipisahkan dengan ilmu agama dalam masyarakat Barat. Islam tidak memisahkan bidang-bidang lain dengan ilmu agama.

Kesimpulan

-Pendidikan Islam berlandaskan sumber-sumber yang sah iaitu yang datang dari Allah. manakala pendidikan Barat bersumberkan manusia sendiri yang boleh diubah-ubah mengikut naluri dan latar manusia.

Soalan STPM 2002/S3

Soalan 7

“Negara kota Sparta dan Athens pada abad ke-5 Sebelum Masihi mempunyai dasar pendidikan yang jelas.” Huraikan pernyataan ini.

Ulasan soalan

Calon diminta menjelaskan dasar pendidikan yang terdapat di kedua-dua negara kota Yunani pada abad ke-5 S.M.. Soalan ini berbentuk langsung.

Pengenalan

-Dasar pendidikan di negara kota Athens memberi perhatian kepada keseimbangan antara fizikal dan juga minda. Justeru bidang muzik, sukan dan seumpamanya amat digalakkan

agar sesuai dengan aspirasi mereka untuk melahirkan warganegara yang mempunyai perkembangan yang sempurna.

-Dasar pendidikan di kota Sparta lebih menjurus kepada melahirkan seorang individu yang mempunyai kebolehan dan menghargai kejayaan yang dicapai. Di samping itu dasar pendidikannya juga berhasrat melahirkan warganegara yang setia kepada negara dan menjadi tentera yang disegani. Sehubungan itu, dasar pendidikannya menitikberatkan latihan tentera dan penggunaan senjata.

Isi

Dasar pendidikan di Athens

-Dasar pendidikan di Athens menekankan pada peringkat usia antara tujuh hingga 14 tahun. Kemudiannya ditingkatkan kepada 19 tahun.

-Pendidikan adalah wajib walaupun dilaksanakan secara persendirian dan negara menyediakan tenaga pengajar.

-Semua sekolah adalah di bawah kelolaan Majlis Areopagus dan latihan gimnastik adalah diwajibkan.

-Pendidikan seterusnya berkembang kepada aspek pidato, tatabahasa, dan retorik. Guru yang mengajar dikenali sebagai sofis.

-Penekanan di peringkat rendah adalah membaca, menulis dan mengira sementara di peringkat menengah pendidikan retorik dan falsafah dikekalkan yang bertujuan untuk memudahkan pelajar memasuki perkhidmatan awam dan juga mendalami bidang falsafah.

-Apabila mereka berusia 15 tahun, mereka dinilai melalui latihan fizikal dan apabila mencapai usia 18 tahun, mereka telah menamatkan pendidikan dan mengangkat sumpah untuk menjadi warganegara yang setia di hadapan tuhan Aglaurus.

-Dua tahun berikutnya, mereka akan mengikuti pendidikan dalam tugas-tugas ketenteraan sebelum mendapat warganegara penuh.

Dasar pendidikan di Sparta

-Bertujuan melahirkan individu yang lasak. Justeru mereka menekankan aspek fizikal seperti berlari, melompat dan bermain bola.

-Selain itu, kanak-kanak juga dilatih bergusti, melempar cakera dan merejam lembing.

-Pendidikan dibahagikan kepada dua peringkat usia iaitu lapan tahun sehingga 18 tahun dan selepas 19 tahun.

-Selepas usia 19 tahun, mereka diajar cara bertempur. Apabila berusia 20 tahun, mereka diarah untuk mempertahankan negara dengan mengawal sempadan dalam tempoh 10 tahun sebelum mendirikan rumahtangga ketika berumur 30 tahun.

-Golongan wanita pula dilatih oleh ibu mereka termasuklah bidang nyanyian dan tarian di samping latihan fizikal. Tindakan tersebut dilakukan bertujuan untuk memberikan kekuatan apabila melahirkan keturunan yang sihat serta membiasakan mereka untuk menjadi isteri dan ibu yang baik.

Kesimpulan

-Kedua-dua negara kota mempunyai sistem pendidikan yang jelas berasaskan kepada keperluan masing-masing. Kota Sparta memberi penekanan kepada penyediaan untuk

menjadi tentera dan mempertahankan negara sementara Athens pula menjurus kepada keseimbangan dalam aspek fizikal dan kerohanian.

Soalan STPM 2003/S7

Soalan 8

Bincangkan kepentingan pendidikan formal bagi memenuhi kehendak negara dalam tamadun Yunani, Rom dan China.

Pengenalan

-Pendidikan formal merupakan sistem pendidikan yang dirancang dengan rapi oleh sesebuah kerajaan yang mempunyai dasar, institusi dan kurikulum yang jelas.

Pendidikan formal biasanya dinaungi dan dianjurkan oleh pihak pemerintah untuk keperluan negara.

-Pendidikan di Rom amat menekankan aplikasi ilmu yang praktikal. Hal ini dapat dibuktikan dengan ajaran asas kepada kanak-kanak Rom seperti membaca, menulis, mengira, latihan fizikal dan retorik.

-Di Athens, mereka percaya hanya manusia yang cemerlang dalam aspek fizikal dan rohani sahaja yang dapat memberi sumbangan kepada negara kota. Bagi Sparta, warganegara perlu mempertahankan negara daripada serangan musuh.

-Di China, sistem pendidikan memainkan peranan yang penting bagi mewujudkan golongan birokrasi yang akan membantu mengendalikan pentadbiran negara.

Isi

Yunani

-Memupuk perkembangan fizikal seseorang individu agar ia boleh mempertahankan kedaulatan dan keselamatan negara.

-Untuk memupuk penerusan sistem politik Yunani yang terbuka sifatnya yakni penyertaan rakyat secara langsung dalam proses perbincangan dan sebagainya. Oleh itu kurikulum yang digubal termasuklah pidato daretorik supaya dapat menghasilkan golongan yang berkemampuan mendapatkan sokongan massa.

-Memupuk keperibadian yang bersifat moral dan rasional khususnya apabila dapat memberi sumbangan kepada peningkatan kecemerlangan seluruh rakyat.

Rom

-Pendidikan formal dapat membasmi buta huruf

-Memupuk perkembangan sikap praktikal, utilitarian dan pragmatik supaya rakyat sama-sama dapat membantu mengukuhkan empayar.

-Bagi golongan patrician, kuruluk retorik dan teknik penghujahan dititikberatkan untuk memupuk sifat kepimpinan dalam bidang politik.

-Bagi rakyat biasa, pendidikan formal yang menitikberatkan latihan fizikal dan tentera dapat melahirkan rakyat yang bersedia mempertahankan empayar.

China

- Peperiksaan awam dijalankan untuk memilih calon bagi mengisi jawatan pentadbir.
- Ajaran konfucius menekankan unsur-unsur moral dan etika untuk mengukuhkan kestabilan sosial yang sedia wujud dalam masyarakat China.
- Bertujuan mengelakkan sifat-sifat individualisme dan kebebasan supaya rakyat rela mematuhi peraturan yang digubal atau ditetapkan oleh pemerintah.
- Untuk menyatukan negara seperti yang disebut dalam aliran legalisme.

Kesimpulan

- Pendidikan formal penting dalam usaha pihak pemerintah menentukan hala tuju masyarakat serta membentuk generasi muda di negaranya.

Soalan STPM 2004/S7

Soalan 9

Bandingkan matlamat sistem pendidikan antara tamadun China dengan tamadun Islam.

Ulasan soalan

Soalan ini menghendaki calon membandingkan matlamat sistem pendidikan China dan sistem pendidikan Islam.

Pengenalan

- Pendidikan mempunyai kaitan yang rapat dengan keperluan bidang keagamaan, politik dan sosial.
- Institusi-institusi pendidikan yang didirikan mempunyai objektif-objektif tertentu.
- Setiap tamadun mempunyai matlamat tertentu selaras dengan kehendak pemerintah.

Isi

Matlamat pendidikan China

- Memberi asas yang kukuh dalam sistem birokrasi kerajaan. Calon-calon yang cemerlang dalam peperiksaan awam akan memegang jawatan dalam perkhidmatan awam.
- Pendidikan juga bertujuan mengekalkan kuasa politik dan kedaulatan maharaja.
- Menyerapkan nilai-nilai moral dan etika Confucianisme.
- Menjalin hubungan persaudaraan dan kepentingan nilai kekeluargaan seperti hormat kepada orang tua dan taat kepada ibu bapa.
- Juga bertujuan menyebarkan pemikiran dan falsafah pemikir China seperti Confucius dan Lao Tze.

Matlamat pendidikan Islam

- Membentuk akhlak mulia dan terpuji.
- Pendidikan sebagai bekalan untuk kehidupan di dunia dan akhirat.
- Mengenal diri sebagai hamba dan Allah s.w.t. sebagai pencipta.
- Memperlengkapkan diri dengan pengetahuan pelbagai bidang supaya dapat menguasai bidang kerjaya.
- Mendapat keredaan Allah dan mengabdikan diri kepada Allah s.w.t.

Kesimpulan

- Kedua-dua tamadun mempunyai matlamat yang berbeza.

-Pendidikan Islam mementingkan agama sebagai penyatu umat manakala pendidikan China bersesuaian dengan sebuah kerajaan sekular.